



KEBATILAN AKIDAH SYI'AH

Dan

Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pembohongan Yang Direka-
reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka

SIRI 2

KEBATILAN AKIDAH SYI'AH

Dan Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pembohongan Yang Direka-reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka
Samahah Al-Syeikh Muhammad Abdul Sattar Al-Tunsawi

Cetakan kedua: 2012M/1433H

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Jainal Sakiban Al-Jauhari, 2012
Kebatilan Akidah Syi'ah
Dan Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pembohongan Yang
Direka-reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka

ISBN 978-967-5987-03-8

Penyemak dan penyunting
Ustaz Nujaimi bin Muhamad
Jabatan Mufti Johor

Atur huruf dan setting
Al-Jauhari
Muka taip Teks Arial
Size Teks 12

Diterbitkan oleh:
Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan Syariah,
Majlis Agama Islam Negeri Johor.
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru.
Johor.

Dicetak oleh:
Master Gifts Sdn Bhd.



KEBATILAN AKIDAH SYI'AH

Dan

Menjelaskan Penyelewengan Penganutnya Serta Pembohongan Yang
Direka-reka Ke Atas Islam Daripada Sumber Rujukan Utama Mereka

بُطْلَانُ عَقَائِدِ الشَّيْعَةِ وَبَيَانُ زَيْغِ مُعْتَنِقِهَا وَمُفْتَرِيَاتِهِمْ عَلَى الْإِسْلَامِ مِنْ مَرَاجِعِهِمُ الْأَسَاسِيَّةِ

Samahah Al-Syeikh Muhammad Abdul Sattar Al-Tunsawi
Pengerusi Kesatuan Ahli Sunnah Pakistan



Penterjemah
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ . وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ .

Diakhir-akhir ini, umat Islam banyak menghadapi cabaran dalam bentuk serangan akidah dan kefahaman Islam. Antara fahaman yang menyerap ke dalam masyarakat tanpa disedari ialah fahaman Syi'ah yang kini sudah merebak ke negara kita dan disebarkan melalui penganut Syi'ah dari kalangan warga tempatan. Ini terbukti dengan adanya edaran penerbitan mengenai Syi'ah dalam bentuk buku dan risalah secara terang-terangan, selain melalui media baru di dalam internet seperti blog, facebook, twitter, youtube dan sebagainya.

Dalam siri ke-2 ini, penterjemah mengemukakan 12 tajuk berkaitan dengan akidah Syi'ah, iaitu:

- 1) Akidah menghina Ummahatul Mukminin (isteri-isteri Nabi SAW).
- 2) Akidah menghina puteri-puteri Nabi SAW.
- 3) Akidah menghina Saidina Abbas, Abdullah dan Uqail r.a.
- 4) Akidah menghina khulafa' Ar-Rasyidin, orang Muhajirin dan orang Anshor.
- 5) Akidah menghina imam-imam ahlul bait.
- 6) Akidah taqiyah.
- 7) Akidah mut'ah.
- 8) Akidah harus menyewa faraj.

- 9) Akidah harus meliwat perempuan.
- 10) Akidah raj'ah.
- 11) Akidah thinah.
- 12) Akidah meratapi kematian, mengoyak baju dan memukul pipi kerana kematian Saidina Husin.

Diharapkan penjelasan melalui risalah terjemahan ini dapat membantu masyarakat membuka minda dan mengenal pasti bahawa ajaran yang dibawa oleh Syi'ah itu bercanggah dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah; sekaligus ianya tidak sesuai diamalkan di negara kita kerana mempunyai pengajaran yang bercanggah dengan akidah, syariah dan akhlak umat Islam yang mengamalkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dipohonkan doa restu daripada Allah SWT semoga pendedahan yang dipaparkan dalam risalah ini dapat memberikan gambaran dan penjelasan mengenai penyelewengan akidah Syi'ah yang bercanggah dengan ajaran Al-Quran dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Sekian.

DATO' HAJI M TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN
Mufti Negeri Johor.

Jabatan Mufti Johor
1 November 2012.

INTISARI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HAL
	Prakata	4
	Intisari Kandudngan	6
1	Akidah menghina ummahatul mukminin	7
2	Akidah menghina puteri Nabi SAW	13
3	Akidah menghina Saidina Abbas, anak lelakinya Abdullah dan Uqail	20
4	Akidah menghina khalifah al-rasyidin, Orang Muhajirin dan Anshor	22
5	Akidah menghina imam ahlul bait	29
6	Akidah taqiyyah	38
7	Akidah mut'ah	46
8	Akidah harus menyewa faraj	66
9	Akidah harus meliwat perempuan	68
10	Akidah raj'ah	75
11	Akidah at-thinah	79
12	Akidah meratapi kematian, mengoyak baju dan memukul pipi kerana kematian Saidina Husin	85



AKIDAH MENGHINA UMMAHATUL MUKMININ



Isteri-steri Nabi

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi dalam kitabnya 'Haqqul Yaqin' dalam bahasa Parsi mengatakan: Akidah kita (Syi'ah) dalam soal At-Tabarru' (pembersihan diri): Sesungguhnya kita membersihkan diri daripada empat berhala, iaitu Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mu'awiyah; dan empat perempuan: 'Aisyah, Hafsa, Hindun dan Umul Hakam; dan daripada semua pengikut dan penyokong mereka; sesungguhnya mereka adalah sejahat-jahat makhluk Allah di muka bumi ini. Bahawasanya tidak sempurna beriman kepada Allah dan rasulNya serta imam-imam melainkan

setelah membersihkan diri daripada musuh-musuh mereka. (Haqqul Yaqin, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi: hal. 519).

Ungkan ini jelas menghina Saidatina 'Aisyah dan Hafsa kedua-dua isteri Nabi SAW bersama-sama dengan yang lainnya. Allah berfirman mengenai mereka dalam surah Al-Ahzab, 6:

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ

“Nabi itu lebih menolong dan lebih menjaga kebaikan orang-orang yang beriman daripada diri mereka sendiri; dan isteri-isterinya adalah menjadi ibu mereka.”

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi dalam ‘Hayatul Qulub’ dalam bahasa Parsi: Diriwayatkan oleh Ibn Babawih dalam – ‘ilal as-syaraai’ - Imam Muhammad Al-Baqir berkata: Apabila zahir Imam Mahdi, beliau akan menghidupkan Saidatina 'Aisyah dan melaksanakan hukuman sebagai membalas dendam buat Saidatina Fatimah.

Ungkapan ini juga merupakan ungkapan orang yang begitu biadap, celupar dan melampau terhadap isteri Rasulullah SAW. Kita tidak mengerti bagaimana hendak membuat komentar terhadap pembohongan ini. Bahawa kami hanya menyerahkan urusan Syi'ah dan tokoh-tokoh mereka kepada Allah SWT yang Maha Berkuasa lagi Maha

Perkasa untuk membalas keceluparan mereka terhadap isteri-isteri Nabi SAW.

Syeikh mereka Maqbul Ahmad dalam menterjemahkan makna Al-Quran dalam bahasa Urdu berkata: Bahawasanya pemimpin tentera Basrah dalam peperangan Jamal iaitu 'Aisyah, mengikut ayat ini (Surah Al-Ahzab) beliau telah melakukan perkara yang sangat keji ...

Ahmad bin Abi Thalib At-Thibrisi dalam kitabnya (Al-Ihtijaj, 1/240) mengatakan: Bahawa Saidina Ali berkata kepada Saidatina 'Aisyah ummul mukminin: Demi Allah aku tidak melihatmu kecuali isteri yang telah diceraikan ... Rasulullah SAW berkata kepada Saidina Ali: Wahai Ali urusan isteriku adalah di tanganmu selepasku. Ertinya Saidina Ali mempunyai hak selepas Nabi SAW menceraikan siapa yang dikehendaki daripada isteri-isteri baginda yang suci itu, na'uuzubillah...

Dalam soal ini, kita lihat orang Syi'ah mereka-reka pembohongan dan pendustaan untuk menjatuhkan martabat ummul mukminin 'Aisyah r.a secara khusus dan martabat isteri-isteri Nabi SAW yang lain, sedangkan isteri-isteri Nabi dipuji oleh Allah di dalam Al-Quran seperti dijelaskan dalam firman Allah:

1. Surah Al-Ahzab, 52:

لَا يَحِلُّ لَكَ النِّسَاءُ مِنْ بَعْدُ وَلَا أَنْ تَبَدَّلَ بِهِنَّ مِنْ أَزْوَاجٍ وَكُلُّ
أَعْجَبَكَ حُسْنَهُنَّ إِلَّا مَا مَلَكَتْ يَمِينُكَ وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ رَقِيبًا .

“Tidak halal bagimu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain sesudah (isteri-isterimu yang ada) itu, dan engkau juga tidak boleh menggantikan mereka dengan isteri-isteri yang baharu sekalipun engkau tertarik hati kepada kecantikan mereka, kecuali hamba-hamba perempuan yang engkau miliki. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mengawasi tiap-tiap sesuatu.”

2. Surah Al-Ahzab, 6:

النَّبِيُّ أَوْلَىٰ بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ وَأَزْوَاجُهُ أُمَّهَاتُهُمْ

“Nabi itu lebih menolong dan lebih menjaga kebaikan orang-orang yang beriman daripada diri mereka sendiri; dan isteri-isterinya adalah menjadi ibu mereka.”

3. Surah Al-Ahzab, 32:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ .

“Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa.”

4. Surah Al-Ahzab, 33:

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ
تَطْهِيرًا .

“Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dari kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).”

Ayat di atas diturunkan bagi membersihkan nama baik Saidatina ‘Aisyah, di mana Allah menurunkan ayat dalam surah An-Nur bagi membersihkan dan menyucikan kehormatannya yang difitnah itu. Ungkapan yang dilakukan oleh orang Syi’ah secara jelas melimparkan tuduhan dan mereka-reka cerita bohong untuk menjatuhkan martabatnya, jadi mereka merupakan daripada kalangan orang-orang munafik sebagaimana dinyatakan dalam surah An-Nur. 17:

يَعِظُكُمُ اللَّهُ أَنْ تَعُودُوا لِمِثْلِهِ أَبَدًا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ .

“Allah memberi pengajaran kepada kamu, supaya kamu tidak mengulangi perbuatan yang sedemikian ini selamanya, jika betul kamu orang-orang yang beriman.”

Alangkah tergamaknya orang-orang Syi'ah, mereka tidak malu dengan Allah dan juga hamba-hambaNya, mereka menghina isteri-isteri Nabi SAW di mana para suami tidak akan redha selamanya apabila isterinya dijatuhkan maruah dan martabatnya dengan apa cara sekalipun. Namun orang lelaki yang sejati sanggup menanggung penghinaan terhadap dirinya disebabkan oleh sesuatu sebab, tetapi mereka tidak akan sanggup menanggung penghinaan dan cacian terhadap isteri dan keluarganya.



**AKIDAH MENGHINA ANAK PEREMPUAN NABI SAW
KHASNYA SAIDATINA FATIMAH AZ-ZAHRA'**



Semua Ahli Sunnah sepakat berdasarkan Al-Quran dan hadis bahawa bilangan anak perempuan Nabi SAW ada empat orang, iaitu Saidah Zainab, Saidah Rukiah, Saidah Ummi Kalthum dan Saidah Fatimah r.a, demikian jugalah dengan pendapat kebanyakan orang Syi'ah sendiri. Berbeza dengan Syi'ah di India dan Pakistan, mereka menolak tiga orang anak perempuan Nabi SAW dan hanya mensabitkan seorang sahaja iaitu Saidah Fatimah az-Zahra', manakala yang tiga orang lagi dinasabkan kepada bukan Nabi SAW sedangkan pendapat ini menyalahi hukum Allah yang jelas. Allah berfirman:

أَدْعُوهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ ۚ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ
فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيكُمْ ۚ

“Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu.”

Ini semua adalah untuk menyatakan permusuhannya dengan Saidina Uthman bin ‘Affan kerana Rasulullah SAW mengahwinkan dua orang anak perempuan baginda iaitu Saidah Rukiah setelah kematian Saidah Ummi Kalthum, bagi menjatuhkan martabat dan kedudukan Saidina Uthman yang mulia dan tinggi di sisi Rasulullah SAW, lantaran itu Uthman diberikan gelaran Zun-Nurain (yang mempunyai dua cahaya).

Allah berfirman surah Al-Ahzab, 59:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ .

“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman

supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar).”

Dalam ayat ini Allah menyebutkan anak-anak perempuan dalam bentuk plural yang menunjukkan bilangan anak-anak Nabi SAW adalah (ramai). Dalam kitab ulama Syi'ah, Saidatina Khadijah bernikah dengan Nabi SAW semasa berumur 25 tahun, maka daripada Khadijah ini lahirlah anak-anak yang bernama al-Qasim, Rukiah, Zainab dan Ummi Kalthum sebelum baginda diutus menjadi rasul, dan mempunyai anak selepas diutus menjadi rasul iaitu Taib, Tahir dan Fatimah. (Usul Kafi, al-Kulaini: 278).

Demikian juga pendapat imam-imam yang maksum disisi Syi'ah dan para ulama mereka dengan jelas menunjukkan bilangan anak-anak perempuan Nabi SAW, ini dirakamkan dalam kitab-kitab Syi'ah, iaitu:

- ✓ Majalis al-Mukminin, hal. 83.
- ✓ Al-Tahzib, 1/154.
- ✓ Tafsir Majma' al-Bayan: 2/233.
- ✓ Furu' Al-Kafi: 2/222.
- ✓ Faid Al-Islam, hal. 519.
- ✓ Nahjul Balaghah: 2/85.
- ✓ Qarbul Isnad, hal. 6.
- ✓ Tuhafah Al-'Awwam, Syed Ahmad Ali, hal. 113.
- ✓ Hayatul Qulub: 2/82, 559, 223 dan 560.
- ✓ Muntahal Amal: 1/89.
- ✓ Mir-aatul 'Uquul: 1/352.

Al-Kulaini dalam Furu' Al-Kafi menyebutkan: Manakala Rasulullah SAW mengahawinkan Ali dengan Fatimah a.s Nabi menemui Fatimah, ketika itu Fatimah sedang menangis. Lalu Nabi bertanya kepadanya, apakah yang menyebabkan engkau menangis. Demi Allah, jika sekiranya dalam keluargaku ada lelaki yang lebih baik daripadanya, aku tidak akan mengahwinkan engkau dengannya dan bukanlah aku yang menikahkan engkau dengannya tetapi Allah yang menikahkan. (Furu' Al-Kafi dalam kitab nikah: 2/157).

Al-Kulaini juga mengatakan: Daripada Ja'far Sadiq berkata: Bahawa Fatimah berkata kepada Rasulullah SAW: Ayahanda mengahwinkan aku dengan mahar yang murah? Rasulullah SAW menjawab: Bukanlah ayahanda yang mengahwinkan engkau, akan tetapi Allah yang memerintahkan untuk mengahwinkan engkau dengannya. (Furu' Al-Kafi: 157).

Muhammad Al-Baqir mengatakan dalam kitab 'Jala' al-'Uyun' dalam bahasa Parsi: Imam Muhammad Al-Baqir dalam kitab 'Kasf al-Ghummah' mengatakan: Pada suatu hari, Fatimah mengadu kepada Rasulullah SAW: Bahawa Saidina Ali tidak memberikan wang belanja yang dibahagikan kepada fakir dan miskin. Rasulullah bersabda: Adakah engkau mahu menimbulkan kemurkaan saudara dan anak pakcikku? Ketahuilah bahawa kemurkaannya adalah kemurkaanku, dan kemurkaanku adalah kemurkaan Allah. Lalu Fatimah berkata: Aku berlindung dengan Allah

daripada kemurkaan Allah dan kemurkaan rasulNya. (Jala' ul-'Uyun oleh Al-Majlisi, hal. 61 cetakan Iran).

Jelas daripada dua riwayat di atas, bahawa Saidatina Fatimah az-Zahra' tidak redha bernikah dengan Saidina Ali r.a disebabkan kemiskinannya dan sedikit maskahwinnya. Ini merupakan penghinaan yang keterlaluan terhadap wanita ahli syurga di mana beliau merupakan wanita yang paling zuhud di dunia yang fanak ini dan paling cinta kepada akhirat. Bagaimana tergambar seorang wanita yang begini sifatnya tidak redha dengan pernikahannya yang diberkati cuma hanya kerana dunia dan harta yang sedikit serta maskahwin yang begitu sederhana - jauh sekali beliau berbuat demikian - sebagaimana yang jelas dapat dilihat daripada riwayat ketiga iaitu beliau membenci Saidina Ali r.a membelanjakan harta kepada fakir miskin sehingga membuat aduan kepada Rasulullah SAW. Adakah perkara sedemikian boleh berlaku sedangkan beliau merupakan anak seorang Nabi? Alangkah peliknya sikap Syi'ah, bagaimana mereka mendakwa kecintaannya kepada puteri baginda selepas mereka menuduhnya dengan tuduhan yang begitu hina sekali yang tidak sewajarnya dilakukan kepada wanita utama yang diredhai oleh Allah SWT itu.

Ahmad bin Abu Thalib At-Tibrisi dalam kitab 'Al-Ihtijaj' mengatakan: Adakah patut seorang isteri yang setia bercakap dengan suaminya Saidina Ali r.a dengan gaya bahasa yang tidak sewajarnya? Andainya ditakdirkan memang benarlah riwayat ini, maka apa yang dapat

disimpulkan ialah keceluparan dan melampaunya Saidah Fatimah terhadap suaminya. Ini menunjukkan Sidina Ali r.a seorang yang bacul dan hina pada pandangan orang ramai terhadap perkara yang hak. Adakah ini diterima akal, sedangkan beliau merupakan seorang pejuang yang gagah berani dan perwira yang luar biasa. Kita tidak faham di mana letaknya akal orang-orang Syi'ah yang mendakwa sayang dan kasihnya kepada Saidina Ali dan Fatimah tetapi sanggup membuat dakwaan yang bercanggah sama sekali dengan apa yang didakwanya, sedangkan dakwaan mereka itu sebenarnya adalah menghina puteri-puteri Rasulullah SAW. Ini semua berlaku kerana mereka mereka-reka riwayat palsu untuk tujuan tertentu, sedangkan dalam masa yang sama mereka lupa bahawa riwayat-riwayat yang direka-reka itu telah menjerumuskan mereka sendiri ke lembah yang hina. Begitulah biasanya perkara yang direka-reka itu akan lahir juga kepalsuannya di mata orang ramai.

Ahmad bin Abi Thalib At-Tibrisi dalam kitab 'al-Ihtijaj' menyebutkan: Salman berkata: Apabila menjelang malam Saidina Ali membawa Fatimah menunggang keldai dan memegang tangan kedua anaknya Hasan dan Husin. Semua orang Muhajirin dan Anshor yang menghadiri peperangan Badar telah didatangi rumahnya untuk menyatakan masalahnya dan meminta pertolongannya ... tetapi hanya empat orang sahaja yang dapat menunaikan hajatnya iaitu Salman, Abu Dzar, Al-Miqdad dan Zubair bin Al-'Awwam. Mereka datang lagi pada malam kedua ...

kemudian malam ketiga, juga tidak ada orang yang sudi membantu kecuali kami sahaja. (Al-Ihtijaj, At-Thibrisi: 157).

At-Thibrisi mengatakan lagi: Menekala menjelang malam, Fatimah ditunggangkan ke atas keldai kemudian meminta pertolongan mereka, tetapi tidak ada orang yang dapat membantu melainkan kami berempat sahaja. (Al-Ihtijaj, At-Thibrisi: hal. 158).

Bukankah Saidina Ali menjaja Saidah Fatimah pergi dari satu rumah ke satu rumah itu merupakan penghinaan kepada Fatimah dan Saidina Ali r.a? Bolehkan diterima akal setelah Saidina Ali berusaha bersungguh-sungguh itu tidak ada siapapun yang sanggup memberi bantuan kepadanya, khususnya Bani Hasyim? Bukankah ini semua merupakan riwayat palsu dan pembohongan yang dicipta dan direka-reka oleh orang Syi'ah yang penuh dengan dusta dan tipu daya.



AKIDAH MENGHINA ABBAS DAN ANAK LELAKINYA ABDULLAH DAN UQAIL BIN ABI THALIB



Muhammad Al-Baqir al-Mjlisi dalam bahasa Parsi menyebutkan: Al-Kulaini meriwayatkan dengan sanad yang hasan, beliau bertanya Imam Muhammad Al-Baqir di mana perginya semangat, kehebatan dan ramainya Bani Hasyim selepas wafatnya Rasulullah SAW, ketika Saidina Ali dikalahkan oleh Abu Bakar dan Umar dan semua orang munafik? Imam Muhammad Al-Baqir menjawab: Siapa lagi yang tinggal daripada kalangan Bani Hasyim? Saidina Ja'far dan Hamzah sebagai (as-Sabiqin al-Awwalin dan mukmin yang sempurna) telah meninggal dunia, manakala dua orang lagi yang lemah keyakinan, pengecut dan masih baru masuk Islam memanglah ada iaitu Abbas dan Uqail. (Hayatul-Qulub: 2/846. Riwayat ini juga terdapat dalam kitab 'Furu' Al-Kafi' jilid 3 kitab Ar-Raudhah).

Muhammad Al-Baqir Al-Mjlisi dalam bahasa Parsi menyebutkan mengenai Abbas: Telah sabit daripada hadis kami bahawa Abbas bukanlah seorang mukmin yang sempurna dan Uqail juga sama sepertinya tidak sempurna imannya. (Hayatul-Qulub: 866).

Al-Mjlisi dalam bahasa Parsi juga menyebutkan: Sesiapa yang buta di dunia ini, maka di akhirat nanti dia lebih buta dan lebih sesat jalan. Riwayat Imam Muhammad Al-Baqir daripada Imam Zainal Abidin a.s dengan sanad yang pasti bahawa ayat di bawah ini diturunkan khusus kepada Abdullah Bin Abbas dan bapanya, iaitu:

مَنْ كَانَ فِي هَذِهِ أَعْمَى فَهُوَ فِي الْآخِرَةِ أَعْمَى وَأَضَلُّ سَبِيلًا

“Dan (sebaliknya) sesiapa yang berada di dunia ini (dalam keadaan) buta (mata-hatinya), maka ia juga buta di akhirat dan lebih sesat lagi jalannya.” (Al-Isra’: 72)

Dari riwayat di atas, jelas menunjukkan penghinaan mereka kepada Saidina Abbas bapa saudara Rasulullah SAW dan Uqail yang didakwa sebagai pengecut dan lemah keyakinan dan tidak sempurna iman kedua-duanya. Penghinaannya terhadap Saidina Abbas dan anaknya Abdullah Bin Abbas sebijak-bijak manusia dengan mengaitkan turunya ayat di atas, sedangkan ayat tersebut adalah diturunkan kepada orang-orang kafir. Kita berlindung kepada Allah daripada semua kepalsuan dan ilhad.



AKIDAH MENGHINA KHULAFQA' AR-RASYIDIN, ORANG MUHAJIRIN DAN ANSHOR

Al-Kulaini dalam kitab 'Furu' Al-Kafi' menyebutkan daripada Ja'far Sadiq: Bahawa semua orang menjadi murtad (riddah) selepas wafatnya Nabi SAW kecuali tiga orang sahaja, iaitu, Al-Miqdad, Abu Dzar al-Ghifari dan Salman al-Farisi. (Furu' Al-Kafi, al-Kulaini dalam kitab Ar-Raudhah, hal. 115).

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi dalam bahasa Parsi menyebutkan: Bahawa Abu Bakar dan Umar kedua-duanya adalah Firaun dan Haman (Orang kanan Firaun). (Haqul-Yaqin, Al-Majlisi, hal. 367).

Al-Majlisi dalam bahasa Parsi mengatakan: Disebutkan dalam kitab 'Taqrif al-Ma'arif' beliau berkata kepada Ali bin Husin orang suruhannya: Engkau berkhidmat kepadaku, beritahu aku tentang Abu Bakar dan Umar? Ali bin Husin menjawab: Kedua-duanya adalah kafir dan siapa

yang menyukainya juga adalah kafir. (Haqul-Yakin, Al-Majlisi: 367).

Al-Majlisi dalam bahasa Parsi juga ada menyebutkan: Diriwayatkan oleh Abu Hamzah at-Tamali beliau bertanya kepada Imam Zainal Abidin mengenai Abu Bakar dan Umar, dijawabnya: Kedua-duanya adalah kafir dan sesiapa yang mengakui kedua-duanya adalah juga kafir. Mengenai persoalan ini terdapat banyak hadis dalam berbagai kitab, kebanyakannya disebutkan dalam kitab 'Biharul-Anwar'.

Al-Majlisi dalam bahasa Parsi juga ada menyebutkan: Mufaddhal bertanya tentang Firaun dan Haman yang disebutkan dalam Al-Quran, Imam Zainal Abidin menjawab: Bahawa yang dimaksudkan dengan kedua-duanya ialah Abu Bakar dan Umar. Wal iyadzubillah..

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi dalam bahasa Parsi menyebutkan: Salman berkata: Selepas Nabi SAW wafat semua orang telah murtad kecuali empat orang sahaja. Jadi manusia selepas Rasulullah kedudukannya seperti nabi Harun dan pengikut-pengikutnya; dan seperti kedudukan 'al-'Ajl (lembu emas yang disembah oleh pengikut Nabi Musa dan Harun) dan penyembahannya. Dalam hubungan ini, kedudukan Sidina Ali seperti kedudukan Nabi Harun, kedudukan Abu Bakar seperti kedudukan al-'Ajl dan kedudukan Umar seperti kedudukan as-Samiri (pengikut Nabi Musa dan Harun yang mencipta lembu emas untuk disembah).

Al-Kasyi dalam kitab 'Akhbar al-Rijal (Rijal Kasyi)' mengatakan: Ja'far Sodiq berkata: Semua orang telah

murtad kecuali tiga orang sahaja iaitu Salman al-Farisi, Abu Dzar dan al-Miqdad. Abi Ja'far ditanya lagi, bagaimana dengan 'Ammar? Dijawabnya, kalau engkau mahu tahu yang tidak ragu dan tidak syak lagi ialah Miqdad, adapun Salman hatinya dihinggapi sesuatu ... manakala Abi Dzar pula amirul mukminin menyuruhnya diam lalu beliau enggan bercakap. (Makrifatu Akhbarir Rijal (Rijal Kasyi), Muhammad bin Umar Al-Kasyi, hal. 8).

Al-Kasyi juga menukilkan: Al-Kamit bertanyakan satu masalah tentang dua orang lelaki (Abu Bakar dan Umar), lalu dijawab: Wahai Kamit bin Zaid, apakah yang menyebabkan berlaku pertumpahan darah dalam Islam, mendapatkan hasil bukan pada tempatnya, menikahkan yang haram, kesemuanya ditanggung oleh kedua orang itu hingga hari kiamat, kami keluarga Bani Hasyim memerintahkan anak-anak kecil dan orang-orang tua kami menyumpah kedua-duanya dan berlepas diri daripada keduanya. (Rijal Kasyi, hal. 4)

Al-Kasyi menukilkan juga, Al-Kamit bertanya, wahai tuan, aku ingin bertanya mengenai satu masalah, kemudian dijawabnya: Tanyalah ... Dia bertanya mengenai dua orang, lalu dijawab: Wahai Kamit bin Zaid, siapakah yang menyebabkan pertumpahan darah, dan mendapatkan harta yang tidak halal dan menikahi orang yang diharamkan bernikah dengannya, kesemuanya ditanggung oleh kedua orang ini (Abu Bakar dan Umar) hingga kami dapat membalasnya dan kami Bani Hasyim memerintahkan semua orang tua dan kanak-kanak dari kalangan kami menyumpah kedua-duanya dan kami berlepas diri daripada kedua-duanya. (Rijal Kasyi, hal. 135, terjemah Kamit bin Zaid)

Al-Kasyi juga menyebutkan: Daripada al-Wardi bin Zaid berkata, aku bertanya kepada Ja'far Sadiq tentang al-Kamit mengenai dua orang syeikh yang dikatakannya. Abu Ja'far berkata kepadanya, apa yang menyebabkan pertumpahan darah, menghukum dengan hukuman yang tidak selari dengan hukuman Allah dan rasulNya; dan hukuman ke atas Ali a.s adalah di atas tanggungjawab kedua mereka (Abu Bakar dan Umar), lalu al-Kamit mengucap: Allahu Akbar, Allahu Akbar, hasbi, hasbi. (Rijal Kasyi: 135, Makrifatu Akhbarir Rijal).

Ali bin Ibrahim Al-Qummi menyebutkan dalam tafsirnya: Para sahabat Rasulullah SAW kesemuanya munafik kecuali sedikit sahaja. (Tafsir Al-Qummi, Ali bin Ibrahim Al-Qummi).

Al-Qummi menyebutkan juga dalam tafsirnya: Syaitan telah menyerap ke dalam cita-citanya, iaitu Abu Bakar dan Umar. (Tafsir Al-Qummi: 259).

Maqbul Ahmad menjelaskan tentang makna Al-Quran dalam bahasa Urdu: Bahawa yang dimaksudkan dengan perkara-perkara yang keji (al-fahsyah) ialah khalifah pertama Abu Bakar, dan yang dimaksudkan dengan kemungkaran (al-munkar) ialah khalifah kedua Saidina Umar, dan yang dimaksudkan dengan melakukan maksiat (ishyan) ialah khalifah ketiga Saidina Uthman. (Turjumah Maqbul, hal. 551 dan Tafsir Al-Qummi, hal. 218).

Maqbul Ahmad menyebutkan dalam Al-Quran menjelaskan: Kesimpulannya, perkara ini bukanlah sesuatu yang baru, malahan sebelum daripada kamu telah diutuskan

rasul dan nabi dan juga yang meriwayatkan hadis kesemuanya diganggu oleh syaitan supaya melakukan perkara yang batil sebagaimana di sini diutuskan dua orang suruhan syaitan iaitu Abu Bakar dan Umar. (Turjumah, Maqbul: 674).

Fikirkanlah sendiri mengenai ungkapan-ungkapan yang begitu keji dan melampau yang dilakukan oleh orang-orang Syi'ah dahulu dan sekarang tentang makna Al-Quran dan tafsiran mereka sendiri, bukan sebagaimana yang diturunkan oleh Allah SWT; juga pembohongan mereka terhadap sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang mana mereka merupakan orang yang dikenali oleh Rasulullah, baginda yang mendidik mereka berdasarkan konsep kebenaran dan yang membersihkan hati mereka dan mereka semua dijanjikan oleh Al-Quran dengan syurga, keampunan dan keredhaan daripada Allah SWT. Allah menjelaskan mengenai mereka dalam firmanNya:

1. Surah At-Taubah: 100:

وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ .

“la menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya.”

2. Surah Al-Anfal: 4:

أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا .

"Mereka lah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya."

3. Surah Al-Fath: 26:

وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَىٰ وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا .

"Serta meminta mereka tetap berpegang kepada "Kalimah Taqwa", sedang mereka (di sisi Allah) adalah orang-orang yang sangat berhak dengan "Kalimah Taqwa" itu serta menjadi ahlinya."

4. Surah Al-Hujurat: 7:

حَبَّبَ إِلَيْكُمُ الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرَّهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ .

"Dan kamu wahai orang-orang yang beriman hendaklah bersyukur kerana) Allah menjadikan iman suatu perkara yang kamu cintai serta diperhiaskannya dalam hati kamu, dan menjadikan kekufuran dan perbuatan fasik serta perbuatan derhaka itu: perkara-perkara yang kamu benci."

5. Surah Al-Hadid: 10:

وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَىٰ .

"Dan tiap-tiap satu puak dari keduanya, Allah janjikan (balasan), yang sebaik-baiknya."

Bahawa musuh Allah, rasulNya dan musuh umat Islam ialah Abdullah bin Sabak seorang Yahudi dan pengikutnya Syi'ah yang dilaknat, di mana mereka

menyebarkan akidah yang sesat, meletakkan riwayat-riwayat yang bohong dan direka-reka ke atas imam-imam mereka, mereka membuat tafsiran Al-Quran mengikut selera dan nafsu mereka sendiri, yang kesemuanya membuat pembohongan terhadap para sahabat nabi SAW dan menjadi musuh kepada Islam dan umatnya, kerana para sahabat Rasulullah SAW adalah menyaksikan turunnya Al-Quran, kenabian dan sunnah Nabi. Maka sesiapa yang mencela dan mencerca para sahabat yang menyaksikan turunnya ayat-ayat Al-Quran, sebenarnya mereka telah mencela dan mencerca Al-Quran, Islam, sunnah dan kenabian. Elakkanlah kami ya Allah daripada semua fitnah dan kesesatan dengan kelebihan dan kemurahanMu.



AKIDAH MENGHINA UMMAHATUL MUKMININ DAN DUA ORANG ANAK FATIMAH



Bahawasanya pengasas mazhab Syi'ah telah mengisbatkan maksum ke atas imam-imam mereka sebagaimana Rasulullah SAW. Mereka lebih afdhal daripada para nabi, mereka wajib ditaatai dan beriman ke atas kepimpinan mereka sebagaimana wajib beriman kepada rasul dan wajib taat kepada mereka. Orang-orang Syi'ah mendakwa imam-imam mereka mempunyai sifat-sifat dan kelebihan-kelebihan yang hanya diketahui oleh Allah. Semenjak mereka mendakwa imam-imam mereka mengetahui perkara-perkara yang ghaib sama ada yang telah lalu, yang sedang dan yang akan berlaku termasuk masa kematian mereka malahan mereka tidak akan mati kecuali dengan pilihan mereka sendiri. (Usul Al-Kafi: 158-159). Mereka mempunyai tongkat Nabi Musa, cincin Nabi Sulaiman, ismu al-a'dzam dan silah al-imamah. (Usul Al-Kafi: 174). Mereka merupakan umat yang paling gagah berani dan lain-lain kelebihan lagi.

Dari sudut yang lain, biar bagaimanapun yang mereka isbatkan tentang kelebihan, perkara yang luar biasa, mukjizat dan khurafat imam-imam mereka, insan biasa pun merasa malu dan tidak mahu terlibat untuk dinisbahkan kepada dirinya atau diberikan kedudukan sebegitu kepadanya, kerana ia mengandungi perkara-perkara yang memalukan dan menghinakan, umpamanya mengisbatkan selain daripada golongan mereka sebagai munafik, pengecut, pendusta, pembohong dan sebagainya.

Kami suka untuk memdedahkan tentang ucapan dan riwayat-riwayat dari kitab mereka yang menjadi sumber rujukan. Umpamanya mereka menulis tentang perkahwinan Umar r.a dengan Umi Kalthum binti Ali r.a, kata Imam Ja'far Sodiq: Inilah faraj yang mula-mula sekali dirampas daripada kami. (Furu' Al-Kafi juzuk 2).

Lihatlah bagaimana celuparnya mereka menyelar hak Umi kalthum, ayahandanya Ali dan kedua saudaranya Hasan dan Husin.

Cuba lihat bagaimana Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi, salah seorang tokoh ulama Syi'ah dalam memberikan komentar mengenai riwayat ini, beliau berkata: Menunjukkan pernikahan Umi Kalthum dengan Umar bin al-Khattab seorang munafik yang dilaknat secara terus terang (dharurah) dan secara berselindung (taqiyyah). Tidak adakah orang yang bertanya atau mempersoalkan mengenainya ketika itu, di mana keberanian Saidina Ali yang dianggap sebagai singa Allah, di mana rasa cemburu

dan kehebatannya, demikian juga dengan kedua orang anaknya Hasan dan Husin r.a.

Zainal Abidin berkata kepada Yazid: Aku mengaku tentang apa yang aku katakan, aku merupakan seorang hamba yang engkau sangat benci, jika sekiranya engkau mahu, maka engkau gunakanlah khidmatku dan jika sekiranya sebaliknya, maka engkau juallah aku. (Furu' Al-Kafi, kitab Ar-Raudhah). Bagaimana imam yang maksum di sisi orang Syi'ah mengiktiraf dan mengaku sebagai hamba kepada Yazid, sedangkan dia seorang imam yang maksum?

Al-Kulaini menukilkan daripada Ibn Abi Umair al-A'jami berkata: Ja'far Sodiq berkata kepadaku: Wahai Abu Umair, bahawa sembilan persepuluh kehidupan beragama itu terletak pada taqiyyah (berbohong atau berpura-pura), kerana tidak ada penghayatan agama bagi mereka yang tidak bertaqiyyah. Taqiyyah itu berlaku kepada semua perkara kecuali pada nabi (arak) dan menyapu kedua khuf. (Usul Al-Kafi, hal. 482).

Beliau juga menukil daripada Ja'far Sodiq berkata: Hendaklah kamu memelihara agama kamu dan lindungilah ia dengan cara taqiyyah, kerana tidak beriman bagi mereka yang tidak bertaqiyyah. (Usul Al-Kafi, hal. 483).

Dinukil daripada Ma'mar bin Khalad, aku bertanya kepada Abu Hasan a.s mengenai bagaimana caranya membetulkan pemerintah, Abu Ja'far a.s berkata: Taqiyyah itu dari agamaku dan agama ibu bapakku, tidak beriman bagi mereka yang tidak bertaqiyyah. (Usul Al-Kafi, hal. 484).

Dinukil, bahawa Ja'far Sodiq berkata kepada Sulaiman, bahawa kamu mengikut agama mereka yang menyembunyikan sesuatu, semoga Allah memberikan kemuliaanNya dan mereka yang menyebarkannya akan dihinakan oleh Allah. (Usul Al-Kafi, hal. 484).

Dinukilkan juga, Zararah bertanya kepada Muhammad Al-Baqir mengenai suatu masalah, lalu dijawab: Besok sahaja temui aku, aku akan bacakan kitab, lalu aku datang selepas Zuhur hari esoknya, masa terluangku ialah antara waktu Zuhur dan Asar, aku tidak suka menanyakannya kecuali pada masa kosong, kerana aku takut dia memberikan fatwanya kepadaku disebabkan ada orang yang datang secara taqiyyah. (Furu' Al-Kafi, 3/52).

Dinukilkan juga, daripada Ja'far Sodiq beliau mengatakan: Pernah bapaku memberi fatwa semasa pemerintahan Bani Umayyah bahawa binatang seperti (al-bazi dan as-saqor) yang terbunuh dan disembelih hukumnya adalah halal. Beliau hanya bertaqiyyah kepada mereka, dan aku pula tidak bertaqiyyah kepada mereka, maka hukumnya haram apa yang disembelihnya itu. (Furu' Al-Kafi, 3/80).

Dinukilkan juga, Muhammad bin Ali ditinggalkan wasiat oleh iman sebelumnya untuk menafsirkan Al-Quran: Katakanlah ia dengan sebenarnya semasa dalam keadaan ketakutan dan semasa dalam keadaan aman, jangan engkau takut melainkan kepada Allah, lalu dilakukan. (Usul Al-Kafi, hal. 171).

Maknanya, bahawa imam-imam yang sebelumnya mereka tidak mengatakan apa yang sebenarnya semasa

dalam keadaan ketakutan, semasa aman dan mereka hanya takutkan manusia dengan menggunakan taqiyyah.

Al-Kulaini menukilkan daripada Zararah bin A'yun daripada Abi Ja'far berkata: Aku bertanyakan satu masalah, lalu dijawabnya. Kemudian datang seorang lagi kepadanya, lalu ditanya mengenai perkara yang sama, lalu dijawabnya berbeza dengan apa yang dijawabnya kepadaku. Kemudian datang lagi seorang bertanya kepadanya mengenai perkara yang sama tetapi dijawabnya berbeza dengan apa yang dijawabnya kepadaku dan seorang lagi. Apabila dua orang itu telah keluar, aku bertanya kepadanya, adakah dua orang penduduk Iraq itu pengikut kamu? Mereka mengemukakan soalan yang sama tetapi engkau jawab berbeza antara satu dengan yang lain? Lalu dia menjawab, wahai Zararah, ini lebih baik bagi kami dan kekalkanlah apa yang ada pada kami dan yang ada pada kamu. (Usul Al-Kafi, hal. 37).

Al-Kulaini menukilkan daripada Musa bin Asyim berkata: Semasa aku berada disisi Ja'far Sodiq, seorang lelaki bertanya mengenai satu ayat dalam Al-Quran, maka dijelaskanlah kepadanya. Kemudian datang seorang lagi menanyakan ayat yang sama, lalu dijawabnya berbeza dengan apa yang dijawab kepada penyoal pertama, ketika itu hatiku bagaikan dihiris dengan pisau. Aku berkata sendirian: Aku tinggalkan Abu Qatadah di Syam, beliau tidak menyalahkan sesuatu malah membetulkannya, sedangkan apabila aku datang ke sini semua dihukumnya salah sedangkan aku pun sama juga, bila ada orang bertanya tentang ayat itu dijawabnya berbeza dengabn apa yang

dijawabnya kepada aku dan kepada penyoal yang lain. Kemudian hatiku merasa tenang, tahulah aku bahawa apa yang dilakukan itu merupakan taqiyyah. Kemudian dia berpaling kepadaku dan mengatakan: Wahai Asyim, sesungguhnya Allah SWT memberikan kepada Nabi Sulaiman bin Daud a.s dengan mengatakan, ini kurniaan kami, engkau terima atau engkau tolak tanpa banyak bicara, lalu diberikannya kepada nabi SAW dan berfirman dalam surah Al-Hasr: 7:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا .

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya.”

Apa yang telah dikurniakan kepada Rasulullah SAW dan keluarganya, bererti itulah juga telah dikurniakan kepada kami. (Furu' Al-Kafi: 163).

Bukankah perkara ini syirik mengenai risalah Nabi Muhammad SAW atau masih ada lagikah orang yang berpegang dengan iktikad ini sebagai orang Islam?

Al-Kulaini menukilkan daripada Salamah bin Muhriz berkata: Aku bertanya kepada Ja'far Sodiq, Seorang lelaki berbangsa Armania (seorang Nabthi yang tinggal di kawasan pergunungan) meninggal dunia dan mewasiatkan kepadaku peninggalannya dan anak perempuannya, lalu dia

mengatakan kepadaku: Berikan separuh kepada anak perempuanku. Lalu aku maklumkan kepada Zararah mengenai perkara tersebut, beliau mengatakan kepadaku: Engkau jagalah harta tersebut, kerana harta itu adalah kepunyaan anak perempuannya itu, lalu aku berjumpa dengannya selepas itu, aku katakan: Allah telah mengislahkan engkau, bahawa sahabat kita menyangka bahawa engkau bertaqiyah kepadaku, dia katakan, tidak. Demi Allah aku tidak bertaqiyah kepadamu, tetapi aku bertaqiyah untukmu supaya engkau lakukan, adakah ada sesiapa yang tahu? Aku jawab, tidak, dia berkata: Berikan kepadanya apa yang baki. (Furu' Al-Kafi: 48).

Difahami dari riwayat di atas, bahawa imam-imam Syi'ah mereka menyembunyikan sesuatu perkara pada satu-satu masa tertentu dan menyelewengkannya pada masa yang lain, mereka mengubah jawapan yang ditanyakan kepada mereka berbeza dari seorang kepada seorang yang lain mengenai soalan yang sama. Perkara menyembunyikan sesuatu itu merupakan amalan agama, malahan mereka meriwayatkan sesuatu secara bohong dan palsu, kerana dasar mereka, orang yang menyembunyikan agama akan dimuliakan oleh Allah dan orang yang mendedahkannya akan dihinakan oleh Allah. Jika inilah keadaan imam-imam yang didakwa maksum tidak melakukan sebarang dosa, demi Allah... bagaimana boleh dipercayai imam-imam yang sedemikian halnya, bukankah mereka itu serupa dengan pendita Yahudi dalam mengubah

dan menyelewengkan agama Allah? Ini semua merupakan cercaan dan penghinaan yang keji terhadap Ahlul Bait. Ya Allah, jauhkanlah kami daripada sikap dan perbuatan yang menyeleweng itu.

Al-Kulaini menukilkan: Hisyam bin al-Hakam dan Hamad daripada Zararah menceritakan kepadaku dengan katanya: Aku bercakap dengan diriku sendiri sebagai seorang syeikh yang tidak suka bermusuhan (maksudnya imamnya). (Usul Al-Kafi: 557).

Mula Khalil al-Qazwaini telah menulis huraian hadis ini dalam bahasa Parsi: Bahawa orang tua ini sudah nyanyuk tidak berakal dan tidak pandai berputar belit.

Al-Kasyi menukil daripada Zararah berkata: Aku bertanya Ja'far Sodiq mengenai bacaan tahiyyat ... aku jawab: attahiyyatu wassolawaatu ... kemudian aku tanyakan mengenai tahiyyat, dijawabnya seperti itu juga iaitu attahiyyatu wassolawaatu ... tetapi selepas aku keluar aku kentutkan di mukanya dan aku berkata kepadanya, tidak akan berjaya selamanya. (Makrifah Akhbar al-Rijal: 106).

Abi Abdillah yang disebutkan dalam riwayat ini ialah Imam Ja'far Sodiq yang dinasabkan kepada golongan Syi'ah. Mereka mendakwa golongan mereka adalah Ja'fariyun dan Zararah. Ini merupakan tokoh Syi'ah yang paling banyak meriwayatkan mengenai imam-imam mereka yang dinukil oleh Syi'ah. Beginilah sikapnya dengan imam-

imamnya yang maksum di sisi mereka. Alangkah besarnya penghinaan yang dilakukan oleh Zararah dan mereka yang redha dari kalangan orang ramai yang mengentutkan seseorang di muka atau dijanggutnya, bagaimana seorang imam yang hebat seperti Ja'far Sodiq boleh berbuat sedemikian.

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi dalam kitab 'Fi Jala' al 'Uyun' dalam bahasa Parsi mengatakan: Daripada datukku daripada Rasulullah SAW bersabda: Apabila dilahirkan Ja'far bin Muhammad bin Ali bin Husin, maka namakannya sodiqan (yang benar), kerana apabila diperanakan daripada anaknya yang kelima dinamakan dengan Ja'far dan didakwa sebagai imam secara bohong dan mengada-adakan sesuatu ke atas Allah, dia disisi Allah beliau sebagai Ja'far al-Kadzab (Ja'far pembohong). (Jala'ul-'Uyun: 348).

Inilah yang mereka nukilkan daripadanya bahawa dia adalah Ja'far yang pembohong. Beliau anak imam yang suci iaitu salah seorang imam yang maksum pada orang Syi'ah, dan sepupu imam Hasan al-Askari yang juga salah seorang imam dua belas yang maksum pada orang Syi'ah. Ja'far Sodiq merupakan keluarga Ali dan Fatimah dari keturunan Husin dan Zainal Abidin, maka bagaimana dakwaan mereka yang palsu itu mendakwa mereka cintakan ahlul bait sedangkan silsilah ini merupakan silsilah yang unggul, tetapi pada orang Syi'ah pencinta ahlul bait menggelar Ja'far sebagai seorang pembohong. Subhanallah!



AKIDAH TAQIYYAH DAN KELEBIHANNYA



Makna Taqiyyah pada orang Syi'ah ialah bohong sematamata, atau munafik yang nyata sebagaimana yang jelas terdapat di dalam riwayat-riwayat mereka.

Di sini dihuraikan sebahagian riwayat mengenai akidah Taqiyyah dan kelebihanannya daripada kitab-kitab mereka yang terkenal.

Al-Kulaini menukilkan daripada Ibn 'Umair al-A'jamiyi berkata: Ja'far Sodiq berkata kepadaku, wahai Abu Umar bahawa sembilan persepuluh agama itu terletak pada Taqiyyah, kerana tidak dikira beragama mereka yang tidak bertaqiyyah, dan taqiyyah ini pada semua perkara kecuali

pada nabiz (arak) dan menyapu dua khuf. (Usul Al-Kafi: 482).

Al-Kulaini menukilkan, Abu Ja'far (Ja'far Sodiq) berkata: Taqiyyah itu daripada agamaku dan agama ibu bapaku, dan tidak beriman mereka yang tidak bertaqiyyah. (Usul Al-Kafi: 484).

Al-Kulaini menukilkan lagi daripada Ja'far Sodiq pada firman Allah (لَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ) mengatakan: al-Hasanah ialah taqiyyah dan as-Saiyiah ialah mendedahkan. Firman Allah (اِدْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ) mengatakan: yang baik itu ialah taqiyyah. (Usul Al-Kafi: 482).

Taqiyyah Wajib Dalam Semua Keadaan

Al-Kulaini menukilkan daripada Abi Ja'far berkata: Taqiyyah berlaku pada semua perkara yang darurat, si ampunya diri mengetahui apa yang perlu dilakukan ketika itu. (Usul Al-Kafi: 484).

Al-Kulaini menukil daripada Muhammad bin Muslim: Aku menemui Ja'far Sodiq ketika itu Abu Hanifah ada bersamanya, lalu aku bertanya kepadanya: Aku bermimpi suatu yang amat menghairankan, beliau mengatakan kepadaku: Wahai Ibnu Muslim, mari ke sini kerana ada seorang alim duduk di sini lalu ditunjuk dengan tangannya kepada Abu Hanifah, lalu berkata, aku bermimpi seolah-olah

aku masuk ke rumahku, tiba-tiba keluargaku tidak mematuhi perintahku, lalu aku pecahkan banyak buah kelapa dan aku taburkannya, aku begitu hairan dengan mimpi tersebut. Abu Hanifah lalu berkata: Engkau bergaduh mengenai warisan keluargamu, setelah kamu berusaha keras kamu akan mencapai apa yang kamu hajati dengan izin Allah. Lalu Ja'far Sodiq berkata: Betul katamu wahai Abu Hanifah, kemudian Abu Hanifah pun keluar daripada rumahnya, ketika itu aku berkata kepada Ja'far Sodiq: Aku tidak suka menta'birkan mimpi tersebut. Ja'far berkata: Wahai Abu Muslim tidak sekali-kali Allah akan memberikan sesuatu yang tidak baik kepadamu, tidak sama takbir mimpi mereka dengan takbir mimpi kami. Takbir itu sebenarnya bukanlah sebagaimana ta'birnya, lalu aku berkata: Aku percaya kepadamu, maka apa yang engkau katakan itu memang betul dan hendaklah engkau bersumpah bahawa cakapnya itu tidak betul. Ja'far Sodiq menjawab, ya. Aku bersumpah apa yang dikatakannya itu tidak betul. (Furu' Al-Kafi: 137).

Al-Kulaini menukil daripada Ja'far Sodiq, katanya: Ayahandaku berkata, apa juga yang sedap dipandang oleh mata adalah sebahagian daripada taqiyyah, sesungguhnya taqiyyah itu sebagai benteng orang beriman. (Usul Al-Kafi: 484).

Al-Kulaini menukilkan juga, dikatakan Ja'far Sodiq bahawa orang ramai melihat Saidina Ali berucap di atas minbar di Kufah katanya: Para hadirin sekalian, bahawa kamu akan diminta untuk memakiku lalu kamu memaki aku,

kemudia bila diminta membersihkan namaku maka kamu tidak mahu berbuat demikian. Lalu beliau berkata: Alangkah ramainya orang berbohong dengan menggunakan nama Ali, kemudian berkata lagi: Sesungguhnya kamu akan diseru untuk memaki aku lalu kamu memaki aku, kemudian kamu diseru untuk membersihkan namaku sedangkan aku patuh kepada agama Muhammad SAW, tetapi kamu tidak membersihkan namaku. (Usul Al-Kafi: 484).

Sesungguhnya imam-imam mengikut pegangan Syi'ah adalah maksum dan mereka adalah ulil amri yang ditetapkan oleh Allah, wajib ditaati segala yang diarahkan sama ada perkara yang kecil atau besar, selama mana taqiyyah itu mempunyai kedudukan istimewa pada mereka. Maknanya akan wujud persamaan dalam semua pertuturan mereka atau perbuatan mereka yang lahir daripada mereka itu semuanya kerana bertaqiyyah. Sesiapa yang mendalami perkara ini, ternyata bahawa pertuturan yang dituturkan oleh imam itu adalah taqiyyah dan mungkin juga bukan taqiyyah. Kita tidak mengetahui mungkin ucapan dan riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab Syi'ah mungkin juga taqiyyah?

Sekiranya semua pertuturan atau perbuatan daripada imam-imam itu berkemungkinan sebagai taqiyyah, maka sudah tentulah apa juga perintah yang dikeluarkan oleh mereka yang wajib ditaatinya itu tidak wajib dipatuhi, kerana semua pertuturan dan perbuatan yang lahir daripada imam-imam mereka berkemungkinan semuanya taqiyyah.

Menyembunyikan Sesuatu Mengikut Syi'ah

Al-Kulaini menukil daripada Sulaiman Khalid: Imam Ja'far Sadiq berkata, Bahawa mengikut agama, sesiapa yang menyembunyikan sesuatu akan dimuliakan oleh Allah dan sesiapa yang menyebarkannya akan dihinakan oleh Allah. (Usul Al-Kafi: 485).

Ketahuiilah bahawa apa yang dijealskan sebelum ini mengenai akidah Syi'ah dan riwayat-riwayat imam mereka sebenarnya bercanggah dengan nas-nas Al-Quran.

1) Surah Al-Maidah, 67:

يَتَأْتِيهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا
بَلَغْتَ رَسُولَهُ

“Wahai Rasul Allah, sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya.”

2) Surah Shaf, 9:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ

“Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhamaad) dengan membawa hidayah pertunjuk dan agama yang benar

(agama Islam), supaya ia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain.”

3) Surah Al-Kahfi, 27:

وَأْتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابِ رَبِّكَ

“Dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari Kitab Tuhanmu.”

4) Surah Al-Hijr, 94:

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ

“Oleh itu, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu.”

5) Surah Al-Maidah, 3:

الْيَوْمَ يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ

“Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (selah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu.”

6) Surah At-Taubah, 119:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.”

7) Surah Al-Baqarah, 159:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَأَهْدَىٰ مِنْهُ بَعْدَ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّاعِنُونَ

“Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan pertunjuk hidayah, sesudah Kami menerangannya kepada manusia di dalam Kitab Suci, mereka itu dila'nat oleh Allah dan dila'nat oleh sekalian makhluk.”

Hukum Taqiyyah Dalam Islam

Bahawa taqiyyah dalam Islam lebih haram daripada memakan daging babi, sekalipun dibolehkan memakan daging babi kepada orang yang terpaksa ketika darurat, demikian juga taqiyyah diharuskan dalam keadaan darurat sahaja. Maka sekiranya seseorang itu mahu mengelakkan diri daripada memakan daging babi ketika darurat lalu

meninggal dunia, maka dia berdosa di sisi Allah. Berbeza dengan taqiyyah jika sekiranya kita tidak melakukannya semasa dalam keadaan darurat dan kita meninggal dunia, kita semakin mendapat pahala dan darjat di sisi Allah SWT. Seolah-olahnya ruhshah¹ iaitu memakan daging babi itu berpindah kepada azimah² tetapi ruhshah taqiyyah tidak berpindah kepada azimah. Malahan sesiapa yang mati kerana mempertahankan agama Allah dan dia tidak mengamalkan taqiyyah, ia akan diberikan ganjaran kematiannya itu dengan ganjaran yang besar. Walau bagaimanapun azimah itu lebih afdhal daripada taqiyyah.

Sejarah Islam menjadi bukti tentang ketabahan Nabi SAW menghadapi tekanan daripada orang-orang musyrikin, demikian juga Abu Bakar as-Siddiq, Bilal bin Rabah, dan kesyahidan Sumaiyah binti 'Ammar, Khabib dan lain-lain lagi. Peristiwa dan sejarah yang luar biasa dari segi keperwiraan dan semangat yang kuat dalam perjalanan ummah yang panjang itu menjadi bukti bahawa semangat yang kental itulah yang perlu didahulukan, yang afdhal dan yang paling baik.

¹ Hukum yang disyariatkan disebabkan oleh sesuatu keuzuran yang berat sebagai pengcualian daripada hukum asal seperti makan daging babi ketika darurat, solat jamak dan qasar ketika musafir.

² Hukum yang disyariatkan oleh Allah pada permulaan itu supaya ia menjadi undang-undang umum bagi setiap mukallaf iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram.



AKIDAH MUT'AH DAN FADHILAHNYA MENGIKUT SYI'AH

Fathullah al-Kasyani dalam tafsirnya berkata, bahwa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَمَتَّعَ مَرَّةً كَانَ دَرَجَتُهُ كَدَرَجَةِ الْحُسَيْنِ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَمَنْ
تَمَتَّعَ مَرَّتَيْنِ كَانَ دَرَجَتُهُ كَدَرَجَةِ الْحَسَنِ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَمَنْ
تَمَتَّعَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ كَانَ دَرَجَتُهُ كَدَرَجَةِ عَلِيِّ بْنِ طَالِبٍ عَلَيْهِ
السَّلَامُ، وَمَنْ تَمَتَّعَ أَرْبَعَ مَرَّاتٍ كَانَ دَرَجَتُهُ كَدَرَجَتِي .

“Siapa yang nikah mut’ah sekali, kelebihanya seperti kelebihan Saidina Husin a.s, siapa yang nikah mut’ah dua kali, kelebihanya seperti kelebihan Saidina Hasan a.s,

siapa yang nikah mut'ah tiga kali, kelebihanannya seperti kelebihan Saidina Ali bin Abi Thalib a.s, dan siapa yang nikah mut'ah empat kali, kelebihanannya seperti kelebihananku.” (Tafsir Manhaj As-Siddiqin, Mula Fathullah al-Kasyani: 356).

Al-Kasyani juga meriwayatkan daripada Nabi SAW bersabda:

مَنْ خَرَجَ مِنَ الدُّنْيَا وَلَمْ يَتَمَتَّعْ جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَهُوَ أَجْدَعُ .

“Sesiapa yang mati sedangkan dia tidak nikah mut'ah di hari kiamat nanti dia datang dalam keadaan ajda' (hidungnya rompong).” (Tafsir Manhaj As-Siddiqin, Mula Fathullah Al-Kasyani: 356).

Diriwayatkan daripada Al-Kasyani dalam tafsirnya berbahasa Parsi, Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya:

Aku didatangi oleh Jibril dengan membawa hadiah daripada Tuhanku, hadiah tersebut ialah nikah mut'ah dengan wanita mukminah, Allah tidak memberikan hadiah ini kepada sesiapa sebelumku dari kalangan anbiya'. Ketahuilah bahawa nikah mut'ah itu dikhususkan oleh Allah kepadaku kerana kemuliaanku daripada para nabi yang telah lalu. Sesiapa yang nikah mut'ah sekali sepanjang hayatnya dia akan menjadi penghuni syurga. Jika sekiranya bersatu pasangan yang nikah mut'ah pada sesuatu tempat, turun ke atas keduanya para malaikat mengawal kedua-

duanya sehingga keduanya bercerai. Jika sekiranya keduanya bercakap, cakupnya itu adalah zikir dan tasbih. Jika mereka berpegangan tangan, menitishlah dosa-dosa dari jari jemari mereka berdua. Jika sekiranya mereka berkucupan akan dituliskan bagi setiap kucupan itu pahala haji dan umrah. Jika mereka bersetubuh, setiap syahwat dan kelazatan itu kebajikan bagaikan gunung yang memuncak. Jika mereka mandi akan mencurahkan air, maka setiap titik air yang menitis itu terdapat malaikat yang bertasbih kepada Allah, mensucikannya, ganjaran tasbih dan taqdis itu ditulis untuk mereka berdua hingga hari kiamat.

Ya Ali, siapa yang menyangka bahawa sunnah mut'ah ini perkara remeh perlu diabaikan dan tidak menyukainya, maka dia bukanlah dari penyokongku dan aku berlepas diri daripadanya (tidak peduli mengenainya).

Jibril berkat, wahai Muhammad, Satu dirham yang dibelanjakan oleh seorang mukmin yang nikah mut'ah lebih afdhal disisi Allah daripada seribu dirham yang dibelanjakan oleh orang yang tidak nikah mut'ah.

Ya Muhammad, di syurga nanti terdapat para bidadari yang dijadikan oleh Allah untuk mereka yang nikah mut'ah.

Ya Muhammad, jika seorang mukmin bernikah mut'ah dengan seorang mukminah, dosa mereka sentiasa diampunkan oleh Allah SWT.

Diriwayatkan daripada Ja'far Sodiq bahawa nikah secara mut'ah itu adalah agamaku dan agama ibu bapakku, maka sesiapa yang mengamalkannya maka dia telah mengamalkan agama kami, dan sapa yang mengingkarinya, maka dia telah mengingkari agama kami, malahan dia bukan dari kalangan agama kami. Anak yang lahir dari pernikahan mut'ah itu lebih afdhal daripada anak yang lahir daripada pernikahan biasa. Mereka yang mengingkari nikh mut'ah hukumnya kafir dan murtad. (Manhaj As-Siddiqin, Mula Fathullah Al-Kasyani, 356).

Pengarang kitab 'Muntahal-Amal' dalam bahasa Parsi menyebutkan: Diriwayatkan daripada Ja'far Sodiq berkata: Siapa juga lelaki yang bersetubuh dengan nikah mut'ah kemudian mandi jubub, Allah jadikan setiap titik air yang menitik dari tubuhnya itu tujuh puluh malaikat yang memohon keampunan untuknya hingga hari kiamat dan melaknat mereka yang mengelak daripada melakukannya hingga hari kiamat.

Telah disebutkan beberapa riwayat mengenai kelebihan nikah mut'ah dalam bentuk yang bermanfaat dalam bahasa Urdu, ia adalah terjemahan bagi risalah mut'ah oleh Al-Majlisi, dan kami sebut sebahagian daripadanya:

Saidina Ali r.a. berkata, sesiapa yang menyusahkan sunnah ini (mut'ah) dan tidak mahu menerimanya, maka dia bukan dari kalangan pengikutku dan aku berlepas diri

daripadanya (tidak peduli mengenainya). ('Ajaalah Hasanah, terjemahan Risalah Mut'ah, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi: 15).

Nabi SAW bersabda: Siapa yang mengahwini wanita mukminah dengan nikah mut'ah, maka dia seperti menziarahi Ka'bah tujuh puluh kali. ('Ajaalah Hasanah, 16).

Rasulullah SAW bersabda: Siapa yang nikah mut'ah sekali, dibebaskan 1/3 jasadnya daripada api neraka. Siapa yang nikah mut'ah dua kali, dibebaskan 2/3 jasadnya daripada api neraka. Siapa yang menghidupkan sunnah ini tiga kali, nescaya terselamat seluruh jasadnya daripada api neraka yang membakar. ('Ajaalah Hasanah: 16).

Rasulullah SAW bersabda lagi: Wahai Ali, sepatutnya setiap mukmin dan mukminah menyukai nikah mut'ah walaupun hanya sekali sebelum berpindah dari alam dunia ke alam akhirat.

Allah SWT bersumpah dengan zatNya bahawa Dia tidak akan mengazab lelaki atau perempuan yang telah bernikah mut'ah, dan sesiapa yang betul-betul berusaha secara berterusan untuk bernikah mut'ah, nescaya Allah meningkatkan darjah kedudukannya. ('Ajaalah Hasanah: 16).

Al-Kasyani dalam tafsirnya memetik satu riwayat yang panjang dalam bahasa Parsi, bahawa Rasulullah SAW ditanya: Apa ganjaran orang yang berusaha untuk bernikah

mut'ah, sabdanya: Mereka mendapat dua pahala, iaitu orang yang berusaha nikah mut'ah mendapat ganjaran pada lelaki dan perempuan.

Abu Ja'far Al-Qummi memetik dalam kitab (مَنْ لَا يَحْضُرُهُ) (الْفَقِيه) yang dianggap sebagai kitab hadis sohih yang empat mengikut Syi'ah: Diriwayatkan bahawa orang mukmin itu belum sempurna lagi imannya sehingga bernikah mut'ah. (Man Laa Yahdhuru Al-Faqih, Abi Ja'far Muhammad bin Babawih Al-Qummi: 330).

Al-Qummi meriwayatkan lagi: Abu Ja'far Sodiq berkata: Bahawa Nabi SAW manakala di israkkan ke langit berkata, aku didatangi malaikat Jibril dan berkata: Ya Muhammad bahawa Allah berfirman, sesungguhnya Aku telah mengampunkan dosa-dosa umatmu yang bernikah dengan wanita secara mut'ah. (Man Laa Yahdhuru Al-Faqih, Abi Ja'far Muhammad bin Babawih Al-Qummi: 330).

Al-Qummi meriwayatkan lagi: Abu Ja'far Sodiq berkata: Aku bencikan lelaki yang mati sedangkan dia masih belum lagi menyempurnakan hak Rasulullah SAW. Maka dia masih tertinggal lagi sisa makanan yang belum dimakan. Aku bertanya: Adakah Rasulullah SAW bernikah mut'ah, dijawabnya: Ia. (Man Laa Yahdhuru Al-Faqih, Abi Ja'far Muhammad bin Babawih Al-Qummi: 329).

Al-Qummi meriwayatkan lagi: Daripada Abdullah bin Sanan daripada Abu Ja'far Sodiq berkata: Sesungguhnya Allah SWT mengharamkan ke atas pengikut kami apa juga minuman yang memabukkan (nabiz) dan digantikan dengan nikah mut'ah. (Man Laa Yahdhuru Al-Faqih, Abi Ja'far Muhammad bin Babawih Al-Qummi: 330; dan kitab Muntahal Amal: 3/341).

Rukun-rukun Nikah Mut'ah Dan Hukum-hukumnya Mengikut Syi'ah

Al-Mula Fathullah Al-Kasyani dalam tafsirnya 'Manhaj As-Siddiqin' yang dinukilkan dalam bahasa Parsi: Ketahuilah bahawa rukun akad nikah mut'ah ada lima: Suami, isteri, mahar, tempoh masa dan shighah (ijab dan qabul). (Tafsir Manhaj As-Siddiqin, Mula Fathullah Al-Kasyani, 357).

Al-Kasyani juga memetik dalam bahasa Parsi: Ketahuilah bahawa bilangan isteri-isteri pada nikah mut'ah ini tidak terbatas. Suami tidak mesti memberikan:

- ✓ Nafkah;
- ✓ Tempat tinggal dan pakaian;
- ✓ Juga tidak boleh mewarisi antara suami dan isteri yang nikah mut'ah walaupun ia sabit mewarisinya dalam akad nikah yang kekal (nikah biasa). (Tafsir Manhaj As-Siddiqin, Mula Fathullah Al-Kasyani, 356).

Abu Ja'far Al-Thusi memetik, bila Ja'far Sodiq ditanya mengenai nikah mut'ah, adakah ia hanya empat orang? Dijawabnya, tidak, dan bukan hanya tujuh puluh sahaja ... Ja'far Sodiq telah ditanya: Mut'ah, adakah hanya empat orang sahaja? Dijawabnya: Bernikahlah dengan perempuan-perempuan itu sampai seribu orang, kerana mereka itu disewa ... tidak boleh ditalak dan tidak boleh mewarisi kerana ia hanya disewa. (At-Tahzib, Abi Ja'far Muhammad bin Hasan At-Thusi: 3/188).

Mahar Nikah Mut'ah

Dipetik daripada At-Thusi dalam kitab 'At-Tahzib' mengatakan: Adapun mahar nikah mut'ah ialah apa yang diredhai oleh kedua-dua belah pihak sama ada sedikit atau banyak... Aku bertanya kepada Ja'far Sodiq, berapakah sekurang-kurang mahar nikah mut'ah? Dijawabnya, memadailah nilainya dengan satu tapak tangan biji gandum. (At-Tahzib, Abi Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi: 2/188).

Tidak Ada Saksi Dan Tidak Ada Iklan Nikah Mut'ah

Dipetik daripada At-Thusi dalam kitab 'At-Tahzib' mengatakan: Dalam nikah mut'ah tidak perlu saksi dan tidak perlu dihebahkan. (At-Tahzib, Abi Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi: 2/188).

Dipetik daripada At-Thusi dalam kitab 'At-Tahzib' daripada Abi Ja'far mengatakan: Sesungguhnya aku mengadakan saksi semasa nikah adalah untuk menentukan hak warisan sahaja. (At-Tahzib, Abi Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi: 2/186).

Abu Ja'far At-Thusi dalam kitab 'At-Tahzib' menyebutkan: Aku bertanya Ja'far Sodiq mengenai seorang lelaki yang mengahwini perempuan tanpa saksi hanya seorang diri sahaja? Dijawabnya, tidak mengapa, tetapi jika telah habis tempoh yang ditentukan hendaklah ia pergi dan jangan ambil peduli lagi. (At-Tahzib, Abi Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi: 2/190).

Dalam kitab 'At-Tahzib' juga disebutkan: Tidak mengapa nikah mut'ah dengan Bani Hasyim. (At-Tahzib, Abi Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi: 2/193).

Al-Kulaini dalam Usul Al-Kafi daripada Ja'far Sodiq mengatakan: Seorang perempuan datang menemui Saidina Ali r.a. lalu memberitahu bahawa dia telah berzina, lalu minta pandangan bagaimana untuk menyucikan dirinya, lalu diperintahkan supaya direjam. Kemudian dimaklumkan kepada amirul mukminin lalu ditanya: Bagaimana engkau berzina, dijawabnya: Aku melalui sebuah kampung, ketika itu aku merasa terlalu dahaga, lalu aku minta kepada seorang Arab Badwi untuk memberikan aku air, tetapi beliau enggan menolongku kecuali aku menyerahkan diriku kepadanya. Apabila aku sudah tidak tahan lagi dan aku takut

bahaya menimpa diriku, lalu aku serahkan diriku kepadanya, lalu amirul mukminin berkata: Demi Allah, itu adalah perkahwinan. (Furu' Al-Kafi, bab nikah: 2/198).

Subhanallah ... bahawa nafsu telah menguasai orang-orang Syi'ah. Mereka mengaitkan amirul mukminin Ali bin Abi Thalib untuk suatu pembohongan seperti ini. Adakah diterima akal seorang yang zalim dan keji berzina dengan seorang perempuan yang terpaksa kerana diancam maut disebabkan terlalu dahaga lalu terpaksa menyerahkan dirinya memenuhi keserakahan seorang lelaki dajjal, adakah ini semua mengikut Syi'ah perkahwinan mengikut syara'? Bukankah cara sedemikian semakin membuka ruang yang luas kepada orang-orang yang jahat menghina dan mengambil mana-mana perempuan mulia dan terhormat dan dipaksanya dengan apa cara seperti yang berlaku itu untuk berzina dengannya? Kemudian perlakuan seperti itu mengikut Syi'ah dianggap sebagai perkahwinan? Allah menyaksikan, bahawa Islam bebas dan tidak terlibat langsung dengan amalan yang keji itu.

Kemudian Syi'ah menggunakan dalil bagi mengharuskan nikah mut'ah dengan firman Allah dalam surah An-Nisak: 24:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً

"Kemudian mana-mana perempuan yang kamu ni'mati percampuran dengannya (setelah ia menjadi isteri kamu),

maka berikanlah kepada mereka maskahwinnya (dengan sempurna).”

Manakala qiraat Ibn Masud:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ إِلَىٰ أَجَلٍ

Fa (فَمَا) di sini adalah untuk tafri' (di tengah ayat)

tidak boleh dikatakan sebagai permulaan ayat (istiknaf), mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (bersetubuh) dengan perempuan melalui nikah yang sah, maka berikanlah maskahwinnya dengan sempurna. Dan qiraat Ibn Masud adalah syaz (ganjil) tidak terdapat dalam mana-mana sumber rujukan dan tidak boleh digunakannya sebagai hujah Al-Quran atau hadis dan tidak boleh dijadikan panduan untuk diamalkan.

Ijmak ulama memutuskan tidak harus kahwin dengan nikah mut'ah malahan dihukumkan haram, dan tidak ada percanggahan mengenainya di kalangan para ulama kecuali dari kalangan Syi'ah sahaja. Dalil pengharaman nikah mut'ah ialah firman Allah dalam surah Al-Mukminun ayat: 1-5:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾
 وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ
 ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا
 مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ
 فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾

“*Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman; yaitu mereka yang khusyu' dalam sembahyangnya; Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan mereka yang menjaga kehormatannya; Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela: Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas.*”

Maka sabitlah dengan ayat-ayat ini menunjukkan tidak halal bagi seorang lelaki itu melainkan isterinya atau hamba sahaya yang dimilikinya; dan sesiapa yang ingin menggunakan cara yang lain selain daripada panduan Allah, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas.

Jelas kepada kita seseorang lelaki jika menjadikan seorang perempuan itu sebagai isteri melalui nikah mut'ah, ia dilakukan bukan dengan cara bernikah, kerana dalam nikah mut'ah tidak memerlukan saksi, tidak mendapat hak nafkah dan tidak mendapat hak mewarisi harta peninggalan suami dan talak, tidak juga disyaratkan tidak lebih daripada empat orang isteri dalam satu-satu masa; juga tidak boleh dijual, diberi dan dimerdekakan sebagaimana kedudukan hamba yang dimiliki tuannya, maka bagaimana mungkin nikah mut'ah itu boleh jadi halal?

Demikian juga firman Allah dalam surah an-Nisak: 3:

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ

“Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.”

Sekiranya kamu takut tidak berlaku adil terhadap isteri-isteri kamu memadailah dengan seorang isteri sahaja, atau dengan hamba yang kamu miliki itu. Dalam hubungan ini, di mana letaknya mut'ah? Andainya nikah mut'ah itu halal nescaya telah disebut dalam Al-Quran, kerana lambat memberi penjelasan daripada masa yang diperlukan itu tidak sewajarnya berlaku.

Demikian juga firman Allah dalam surah An-Nisak: 25:

وَمَنْ لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ
 فَمِنْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِّنْ فِتْيَانِكُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ۗ وَاللَّهُ أَعْلَمُ
 بِإِيمَانِكُمْ ۗ بَعْضُكُمْ مِّنْ بَعْضٍ ۗ فَأَنْكِحُوهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ
 وَأَتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ مُحْصَنَاتٍ غَيْرِ مُسَفِّحَاتٍ وَلَا
 مُتَّخِذَاتِ أَخْدَانٍ ۗ فَإِذَا أُحْصِنَ فَإِنَّ أَتَيْنَ بِفَاحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ
 نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَذَابِ ۗ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ
 الْعَنَتَ مِنْكُمْ ۗ وَأَنْ تَصْبِرُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

“Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba-hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki. Dan Allah lebih mengetahui akan iman kamu; kamu masing-masing (suami yang merdeka dan isteri dari hamba-abdi itu) adalah berasal sama (dari Adam, dan seagama pula). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya serta berikanlah maskahwinnya menurut

yang patut. Mereka (hamba-hamba perempuan yang akan dijadikan isteri, hendaklah) yang sopan bukan perempuan-perempuan lacur, dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan. Kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka. (Hukum perkahwinan) yang demikian (yang membolehkan seseorang berkahwin dengan perempuan-perempuan hamba sahaya) itu ialah bagi orang-orang yang bimbang melakukan zina di antara kamu; dan sabarnya kamu (tidak berkahwin dengan perempuan hamba) itu adalah lebih baik bagi kamu. Dan (ingatlah) Allah Amat Pengampun, lagi Amat Mengasihani.”

Sekiranya nikah mut'ah itu halal nescaya telah dijelaskan oleh Allah SWT, lebih-lebih lagi dalam ayat ini disebutkan (orang-orang yang bimbang melakukan zina) sedangkan ia tidak disebutkan mut'ah dalam ayat tersebut, ini menunjukkan yang nikah mut'ah itu adalah haram.

Allah berfirman dalam surah An-Nur:33:

وَلَيْسَتَعَفِيفِ الَّذِينَ لَا تَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّى يُغْنِيَهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ

“Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga

kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia.”

Orang yang tidak mampu berkahwin tidak diperintahkan mengahwini perempuan dengan nikah mut'ah dan berseronok dengannya, sehinggalah Allah memberikan kelebihan dengan kesenangan untuk membolehkannya berkahwin. Ayat ini menunjukkan bahawa perkahwinan itu adalah demi menjaga daripada melakukan perkara yang tidak baik dan memelihara kesucian diri, sedangkan nikah mut'ah tidak mempunyai tujuan tersebut. Jadi, kesemua ini membuktikan pengharaman nikah mut'ah.

Golongan Syi'ah telah membuktikan keharusan bermut'ah dengan hadis-hadis sahih yang terdapat dalam kitab Ahli Sunnah. Jawapannya: Hadis tersebut telah dimansuhkan oleh hadis-hadis yang lain. Ini telah dihuraikan dan disepakati oleh semua pensyarah hadis dan para ulama salaf (dulu) dan halaf (kini) dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka mereka tidak boleh menggunakan dalil itu lagi sebagai hujah keharusan nikah mut'ah.

Antara dalil pengharaman nikah mut'ah, sabda Nabi SAW:

إِنِّي كُنْتُ آذَنْتُ لَكُمْ فِي الْإِسْتِمْتَاعِ مِنَ النِّسَاءِ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ حَرَّمَ ذَلِكَ إِلَيَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَمَنْ كَانَ عِنْدَهُ مِنْهُنَّ شَيْءٌ فَلْيُخِلِّ

سَيِّلُهُ، وَلَا تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا .

“Sesungguhnya aku pernah mengizinkan bagi kamu menikahi perempuan-perempuan dengan nikah mut’ah, tetapi Allah telah mengharamkan pernikahan itu hingga hari kiamat. Maka sesiapa yang berkahwin dengan nikah mut’ah, maka hendaklah dibatalkan perkahwinan itu dan jangan kamu mengambil semula apa yang telah engkau berikan kepadanya.” (Riwayat Muslim: 1/451, cetakan India).

Rasulullah SAW melarang nikah mut’ah dalam sabdanya: “Bukankah nikah mut’ah itu haram daripada hari ini hingga ke hari kiamat; dan sesiapa yang telah memberikan sesuatu kepadanya, maka janganlah diambilnya semula.” (Riwayat Muslim: 1/452, cetakan India).

Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi daripada Ibnu Abbas r.a mengatakan: Bahawa bentuk nikah mut’ah yang berlaku di awal Islam dulu ialah seorang lelaki datang ke sebuah kampung dan dia tidak ada kenalan di situ, kemudian berkahwin dengan seorang perempuan ala kadarnya di tempat dia tinggal yang boleh memelihara dirinya, harta bendanya dan membolehkannya menyara hidupnya hinggalah turun ayat: Kecuali ke atas isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang dimilikinya. Kata Ibnu Abbas, semua perempuan selain daripada keduanya adalah haram. (At-Tirmidzi: 133, cetakan Pakistan).

Al-Hazimi berkata: Bahawa Nabi SAW tidak menghalalkan bernikah mut'ah kepada mereka sama sekali sedangkan mereka berada di rumah dan di kampung halaman mereka, tetapi ia diharuskan hanya pada masa darurat sehingga diharamkan selepas itu sampai hari kiamat.

Dalam kitab Syi'ah juga diriwayatkan daripada Saidina Ali berkata:

عَنْ عَلِيٍّ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ: حَرَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ وَآلِهِ يَوْمَ خَيْبَرَ لُحُومَ الْحُمْرِ الْأَهْلِيَّةِ وَنِكَاحَ الْمُتَعَةِ .

“Daripada Saidina Ali r.a berkata: “Rasulullah SAW mengharamkan dalam peperangan Khaibar, daging himar ahli (kampung) dan nikah mut'ah.” (At-Tahzib: 2/186; dan Al-Istibshor, 3/142).

Kita telah membentangkan dalil-dalil pengharaman nikah mut'ah dengan sebenar dan kukuh melalui Al-Quran dan hadis Nabi SAW. Oleh itu marilah kita merenung sejenak, kita renung dengan pemikiran yang terbuka tanpa dipengaruhi oleh sebarang sentimen dan putar belit, iaitu seorang lelaki itu diharuskan berkahwin tidak lebih daripada empat orang isteri sahaja, sedangkan orang Syi'ah menghalalkan seorang lelaki itu bernikah mut'ah walaupun dengan seribu orang perempuan atau dua ribu orang

sebagaimana yang diriwayatkan. Ini akan menyebabkan kelahiran ramai anak lelaki dan perempuan, dari sini akan berlaku kecacatan dan kepincangan dalam sistem perkahwinan dan warisan. Kerana sahnya nasab seseorang itu hanya diketahui dengan melalui pernikahan yang sah nasab. Tetapi disebabkan mereka terlalu ramai, maka berkemungkinan ia tidak dapat dipastikan kesahihannya.

Contohnya jika seorang lelaki itu merantau ke seluruh pelusuk dunia, bila dia sampai disesuatu tempat atau negeri yang dia tinggal di situ dia nikah mut'ah, lalu melahirkan anak lelaki dan perempuan di tempat tersebut. Demikian juga kalau dia merantau lagi ke tempat lain dan bernikah mut'ah yang sama. Ditakdirkan dia atau adik beradiknya sama ada lelaki atau perempuan melancung atau merantau ke tempat atau bandar yang pernah dia bernikah mut'ah itu, lalu dia atau adik beradiknya bernikah dengan perempuan atau lelaki yang ada di situ, tidak mungkinkah yang dinikahi itu adalah anaknya sendiri, atau anak saudaranya sendiri? Ketika itu dia atau adik beradiknya telah menikahi anaknya sendiri, atau anak saudaranya sendiri.

Yang menghairankan, selepas penjelasan ini semua, mereka mengisbatkan nikah mut'ah di awal Islam di zaman Nabi SAW itu dilakukan dengan menggunakan saksi, ini diketahui melalui kitab-kitab mereka.

Sedangkan nikah mut'ah yang dijaja Syi'ah pada hari ini tidak mensyaratkan adanya saksi, bagaimana boleh

diterima dalil mereka yang mengatakan nikah mut'ah itu sah dengan dalil yang diakui di awal Islam di zaman Nabi SAW yang bernikah dengan menggunakan saksi?

Imam Ja'far Sadiq ditanya: Orang Islam di zaman Nabi SAW bernikah tanpa saksi? Dijawabnya: Tidak. (At-Tahtzib: 2/189).

Mereka telah menyebutkan riwayat ini dalam bab mut'ah (mereka bernikah), maksudnya nikah mut'ah. Pengarang kitab ini tidak bermaksud dengan nikah itu sebagai nikah yang kekal (nikah biasa) tetapi yang dimaksudkan di sini ialah nikah mut'ah.



AKIDAH KEHARUSAN MEMINJAM FARAJ



Abu Ja'far Muhammad bin Al-Hasan Al-Thusi dalam kitab 'Al-Istibshor' menukilkan daripada Muhammad bin Muslim daripada Abi Ja'far Sodiq berkata: Aku bertanya kepadanya: Adakah seorang lelaki itu halal menikmati faraj hambanya? Dijawabnya; Ya boleh, tidak mengapa, baginya apa yang dihalalkan daripada hambanya itu.

At-Thusi dalam kitab 'Al-Istibshor' menukilkan daripada Muhammad bin Madharib berkata: Ja'far Sodiq mengatakan kepadaku, Ya Muhammad, ambillah hamba perempuan ini untuk berkhidmat kepadamu dan engkau nikmati apa yang ada padanya, maka apabila engkau tidak memerlukannya lagi kembalikanlah dia kepada kami. (Al-Istibshor, Abi Ja'far Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi: 3/136).

Terdapat dalam setengah riwayat Syi'ah daripada salah seorang imam mereka menyebutkan kalimah (aku tidak sukakan itu) iaitu meminjam faraj. Abi Ja'far Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi membuat komentar mengenai perkara ini, katanya: Dalam soal ini, bukanlah yang dimaksudkan itu haram meminjam faraj, tetapi beliau hanya tidak menyukai perbuatan itu sahaja, kerana ia hanyalah makruh.

Ja'far Sadiq menghuraikan perkataannya yang mengatakan dia tidak menyukainya. Yang menyebabkan beliau tidak sukakan perkara tersebut ialah kerana perkara itu bukanlah perkara yang disepakati oleh semua orang kerana perbuatan tersebut adalah jijik dan hina. Mengelakkan daripada melakukan perkara tersebut adalah lebih baik sekalipun ianya tidak haram. Boleh dikatakan: Dimakruhkan perkara ini jika tidak mensyaratkan anak yang lahir kelak menjadi merdeka, tetapi jika disyaratkan demikian maka hilanglah makruh itu.

Ini juga satu bentuk perzinahan yang dihalalkan oleh orang Syi'ah dan dinisbahkan kepada imam-imam Ahlil Bait secara bohong dan palsu, kerana mereka mengikut hawa nafsu sahaja, sedangkan zina dalam apa juga bentuknya adalah haram dalam syariat Islam sebagaimana yang dimaklumi oleh semua orang.



AKIDAH HARUS MELIWAT PEREMPUAN

Abu Ja'far Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi dalam kitab 'Al-Istibshor' menyebutkan daripada Abdullah bin Abi Ya'fur katanya: Aku bertanya kepada Ja'far Sodiq mengenai seorang lelaki yang meliwat perempuan di duburnya, katanya: Tidak mengapa jika dia redha, Aku bertanya lagi, dimana letaknya firman Allah dalam surah Al-Baqarah: 222:

فَاتَّوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ

“Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu.”

Dia berkata: Ayat ini khusus mengenai meminta anak, kamu mintalah anak sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah, kerana Allah berfirman dalam surah Al-Baqarah: 223:

نَسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَاتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ

"Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai."

Dinukil dalam 'Al-Istibshor' daripada Musa bin Abdul Malik daripada seorang lelaki berkata: Aku bertanya Abu Hasan Ar-Ridza mengenai seorang lelaki meliwat perempuan di duburnya, katanya: Ayat Al-Quran telah menghalalkannya, iaitu perkataan Nabi Luth a.s, Allah berfirman dalam surah Hud: 78:

قَالَ يَتْلُونَ هُنَا بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ

Nabi Lut berkata: "Wahai kaumku! di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka)".

Telah diketahui umum, bahawa mereka bukan mahukan faraj. (Al-Istibshor: 3/243).

Dalam kitab 'Al-Istibshor' juga daripada Ali bin Al-Hakam berkata: Aku mendengar Safwan berkata: Aku bertanya kepada Ar-Ridha bahawa seorang lelaki dari

kalangan orang atasanmu meminta aku bertanya kepadamu mengenai masalah yang amat sulit dan dia merasa malu dan takut denganmu untuk menanyakan perkara tersebut. Dia bertanya, apa dia? Adakah boleh seorang lelaki meliwat isteri di duburnya? Dijawabnya: Boleh, itu haknya. (Al-Istibshor: 3/243).

Dalam kitab 'Al-Istibshor' juga daripada Yunus bin 'Ammar berkata: Aku bertanya kepada Ja'far Sodiq, bahawa aku meliwat jariahku di duburnya lalu terluka, aku berjanji kalau aku melakukan lagi perkara sedemikian pada orang lain, wajib ke atasku bersedekah. Tetapi bersedekah itu amat berat bagiku. Ja'far Sodiq berkata: Engkau tidak dikenakan apa-apa, kerana itu adalah hakmu. (Al-Istibshor: 3/444, bab melakukan seksual bukan di faraj).

Disebutkan dalam kitab 'Al-Istibshor' daripada Hamad bin Uthman berkata: Aku bertanya kepada Ja'far Sodiq mengenai seorang lelaki yang meliwat seorang wanita di duburnya, dia berkata kepadaku dengan suaranya yang tinggi: Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang membebaskan orang yang di bawah tanggungannya dengan sesuatu yang dia tidak mampu, maka disuruh menjualkannya, lalu ia berkata: Tidak mengapa berbuat demikian. (Al-Istibshor: 3/243)

Pengarang kitab 'Al-Istibshor' memberikan komentar mengenai dua riwayat yang menegah daripada melakukan

liwat terhadap perempuan berkata: Hukum mengenai dua riwayat ini hanyalah makruh kerana yang afdhal menjauhi perkara tersebut jika sekalipun tidak ada tegahan ... Berkemungkinan juga dua riwayat itu merupakan sebagai taqiyyah sahaja kerana orang kebanyakan tidak dibolehkan melakukan perbuatan sedemikian. (Al-Istibshor, 3/244)

Bukankah hadis yang mengatakan harus itu hanyalah sebagai taqiyyah, kerana umumnya manusia itu menyukai perlakuan sedemikian, justeru untuk mengambil hati dan menyukakan mereka, maka para imam memilih bertaqiyyah. Bertaqiyyah itu boleh berlaku dalam semua perkara dan juga dalam hadis.

Walau bagaimanapun, perkara ini jelas batalnya dan bertentangan dengan apa yang datang daripada Allah SWT dan rasulNya, ini semua tidak lain hanyalah mengikut hawa nafsu belaka.

Dalil Haramnya Meliwat Perempuan Daripada Al-Quran dan Sunnah

Allah berfirman dalam surah Al-Baqarah: 223:

نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأَتُوا حَرْثَكُمْ أَنِي شِعْتُمْ^ط

“Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai.”

Allah SWT mengizinkan melakukan persetubuhan di tempat yang ditetapkan iaitu faraj dan bukan ditempat yang kotor iaitu dubur.

Firmannya lagi dalam surah Al-Baqarah: 222:

وَدَسَّأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ ۗ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ
فِي الْمَحِيضِ ۗ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ .

“Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah: "Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka untuk bersetubuh) sebelum mereka suci.”

Dalam ayat ini Allah melarang kita daripada menyetubuhi isteri di faraj ketika datang haid sedangkan ia tidak berterusan kecuali beberapa ketika sahaja. Bagaimana mungkin diharuskan meliwat isteri melalui dubur sedangkan sentiasa ada najis padanya. Dalam ayat ini yang dilarang ialah faraj sahaja bukanlah dubur, kerana haid berkaitan

dengan faraj. Adapun dubur keadaannya sama sebagaimana sebelum datang haid, sekiranya hukumnya harus dilakukan sebelum datang haid, maka tidak ada halangan semasa datangnya haid. Sekiranya demikian kedudukannya, nescaya ayat ketika itu (فَاعْتَرِلُوا الْفُرُوجَ فِي الْمَحِيضِ) maka hendaklah kamu menjauhkan diri dari faraj ketika isteri kamu datang haid dan bukan (فَاعْتَرِلُوا النِّسَاءَ) maka hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan jangan bersetubuh dengan isteri kamu) semasa datang darah haid sebagaimana ayat yang sedia ada.

Daripada Abi Hurairah r.a. berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ، أَوْ أَتَى امْرَأَتَهُ حَائِضًا، أَوْ أَتَى
امْرَأَتَهُ فِي دُبُرِهَا فَقَدْ بَرِيَ مِمَّا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ .

“Sesiapa yang berjumpa dengan tukang telek lalu mempercayai apa yang dikatakannya; atau mendatangi (menyetubuhi) isterinya semasa datang haid; atau mendatangi (menyetubuhi) isterinya pada duburnya, maka dia telah jauh daripada rahmat Allah apa yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad SAW.” (Riwayat Abu Daud, kitab kahanah wa At-Tatoiur: 545).

Rasulullah SAW bersabda:

مَلْعُونٌ مِّنْ أَتَىٰ امْرَأَتُهُ فِي دُبُرِهَا .

“Dilaknat oleh Allah, sesiapa yang meliwat isterinya pada duburnya.” (Riwayat Abu Daud dalam kitab Jamik An-Nikah, 294).



AKIDAH RAJ'AH

Al-Syeikh Abbas Al-Qummi dalam kitab 'Muntahal-Aamal' dalam bahasa Parsi mengatakan: Berkata Al-Sodiq (Ja'far Sodiq): Bukanlah daripada kalangan kami mereka yang tidak beriman dengan konsep raj'ah kami dan tidak mengakui halalnya mut'ah. (Muntahal-Aamal, Syeikh Abbas Al-Qummi: 2/341).

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi menukilkan dalam bahasa Parsi: Diriwayatkan oleh Ibn Babawih dalam kitab 'Ilal As-Syarai' daripada imam Muhammad Al-Baqir mengatakan: Apabila lahir Imam Mahdi, maka dia akan menghidupkan Saidatina Aisyah dan melaksanakan hukum hudud ke atasnya. (Haqqul Yakin, Muhammad Al-Baqir Al-Hasyimi: 347).

Maqbul Ahmad Al-Syi'ie dalam Turjumah Al-Quran dalam bahasa Urdu, diriwayatkan daripada imam Muhammad Al-Baqir dalam tafsir Al-Qummi dan tafsir Al-

'Iyasyi, bahawa maksud ayat (مِنَ الْآخِرَةِ) ialah raj'ah. Makna raj'ah ialah didatangkan Rasulullah, imam-imam khasnya orang mukmin dan orang kafir ke dunia sebelum berlakunya hari kiamat, bagi meningkatkan amal kebajikan dan iman, dan membalas mereka yang kafir lagi derhaka. (Turjumah Maqbul Ahmad: 535).

Mulla Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi menyebutkan dengan panjang lebar dalam bahasa Parsi mengenai maksud 'haqqul yakin' sebagaimana yang disebutkan dalam surah Al-Waqi'ah, 95:

إِنَّ هَذَا هُوَ حَقُّ الْيَقِينِ

"Sesungguhnya (segala Yang disebutkan) itu adalah kebenaran Yang diyakini."

Kesimpulannya, apabila lahir sahaja imam Mahdi sebelum berlaku kiamat, maka ia akan terbongkah tembuk kubur Nabi SAW, lalu keluarlah Abu Bakar dan Umar daripada kubur mereka berdua lalu dihidupkannya kemudian disalib kedua-duanya.

Al-Mahdi juga menyebutkan dalam bahasa Parsi: Kemudian Imam Mahdi menyuruh manusia berkumpul, iaitu orang yang zalim dan orang-orang kafir yang ada di pelusuk alam. Maka dosa orang yang zalim dan orang kafir itu kesemuanya ditulis atau dibebankan ke atas Saidina Abu Bakar dan Umar.

Begitu juga setiap darah keluarga Nabi Muhammad yang ditumpahkan, malahan setiap darah yang ditumpahkan tanpa hak, setiap persetubuhan haram (zina) yang berlaku, setiap harta yang diperolehi melalui unsur riba; atau harta haram yang dimakan; dan setiap dosa dan kezaliman yang berlaku sehingga lahirnya imam Mahdi. Kesemuanya itu adalah dikira sebagai amalan yang dilakukan oleh Saidina Abu Bakar dan Umar r.a.). (Haqqul Yakin, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi: 360)

Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi menukilkan selepas itu juga: An-Nu'mani telah meriwayatkan daripada Muhammad Al-Baqir katanya: Apabila telah turun Imam Mahdi, orang yang pertama melakukan bai'ah atau bersumpah setia kepada Nabi Muhammad SAW dan Saidina Ali bin Abi Thalib dengan pertolongan Allah dan malaikatNya.

At-Thusi dan An-Nu'mani telah meriwayatkan daripada Imam Ar-Ridha: Antara tanda-tanda turunnya Imam Mahdi ialah bahawa beliau turun di hadapan matahari dalam keadaan telanjang, lalu beliau menyeru: "Inilah amirul mukminin yang turun untuk memusnahkan orang yang zalim." (Haqqul Yakin, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi: 347)

Ini semua merupakan sebesar-besar pembohongan Syi'ah yang bertentangan dengan agama Islam dan semua agama samawi (agama yang diturunkan oleh Allah), di mana semua insan yang hidup di dunia ini akan mati, kemudian

dikumpulkan di padang Mahsyar di hadapan Allah SWT pada hari kiamat kelak. Di situlah Allah akan menilai semua amalan mereka, tetapi Syi'ah cuba mereka-reka kepalsuan dan pembohongan di mana meletakkan imam Mahdi ditempat Allah untuk menilai amalan manusia.

Riwayat ini selain daripada ianya tidak betul, ianya merupakan satu penghinaan yang melampau terhadap Nabi Muhammad SAW dan Saidina Ali bin Abi Thalib r.a, kerana menjadikan kedua-duanya berbai'ah kepada imam Mahdi yang beliau adalah anak cucu kepada kedua-duanya. Kemudian imam Mahdi pula digambarkan turun dengan keadaan telanjang tanpa berpakaian.

Adapun mengenai Abu Bakar dan Umar r.a dan kerja-kerja yang menyebabkan permusuhan dan pergaduhan yang dilakukan oleh kedua-duanya itu tidak memerlukan kepada komentar, kerana ia bercanggah dengan nas syarak dan akal. Bagaimana boleh diterima akal seorang itu boleh menanggung dosa orang yang sebelumnya, ini menunjukkan bahawa yang buta adalah hati mereka (orang Syiah) bukan penglihatannya.



AKIDAH AT-THINAH (TANAH)



Muhammad bin Ya'kub Al-Kulaini dalam Usul Al-Kafi (bab thinatul mukmin wal-kafir) membawakan beberapa riwayat yang disebutkan sebahagian daripadanya.

Daripada Abdullah bin Kisan dripada Ja'far Sodiq berkata: Aku bertanya kepadanya: Aku orang suruhan Abdullah bin Kisan, mengenai nasab keturunan aku mengetahuinya, adapun engkau, aku tidak tahu, dia menambah lagi, aku dilahirkan di kawasan pergunungan, dan dibesarkan di bumi Parsi, aku bergaul dengan orang ramai dalam aktiviti perniagaan dan lain-lain lagi. Aku bergaul dengan seorang lelaki, aku dapati perwatakannya menarik, baik akhlaknya dan amanah. Kemudian aku perhati dan aku selidiki adakah orang itu bermusuh denganmu, kemudian aku bergaul dengan seorang lelaki, aku dapati akhlaknya tidak baik, tidak amanah dan jahat. Kemudian aku

perhati dan selidiki adakah dia bersetuju dengan kepimpinan kamu: Bagaimana boleh berlaku sedemikian? Beliau menjawab: Tahukah kamu ya Abdullah bin Kisan, bahawa Allah SWT telah mengambil tanah dari syurga dan tanah dari neraka. Kemudian digaulnya semua sekali, kemudian diambilnya tanah itu yang ini daripada ini, dan yang itu daripada itu. Apa yang engkau lihat mereka yang amanah, baik akhlak, pewatakan yang menarik, itu semua adalah sentuhan dari tanah syurga, mereka kembali kepada asal kejadiannya. Tetapi apa yang engkau lihat mereka yang tidak amanah, buruk perangai dan jahat, kesemuanya itu sentuhan dari tanah neraka, mereka kembali mengikut asal kejadiannya.

Juga daripada Ibrahim daripada Ja'far Sodiq berkata: Bahawa Allah SWT manakala ingin menjadikan Adam a.s, telah mengutuskan malaikat Jibril diawal pagi hari Jumaat, lalu mengambil segenggam tanah dengan tangan kanannya, di mana genggamannya itu sampai ke langit dunia yang ketujuh dan mengambil tanah di setiap langit. Dan mengambil segenggam tanah dengan tangan daripada bumi sampai ke perut bumi yang ketujuh, maka Allah menetapkan hukumnya lalu mengambil genggamannya pertama dengan tangan kanannya dan genggamannya yang lain dengan tangan kirinya, lalu terbelah tanah itu menjadu dua, maka yang berasal dari tanah pergilah ke tanah dan yang berasal dari langit pergilah ke langit. Maka yang berada di tangan kanannya dikatakan: Daripada tanah itulah lahirnya para

rasul, para nabi, imam yang diwasiatkan, para siddiqin, mukminin, orang yang hidup bahagia (su'ada') dan mereka yang Allah inginkan kemuliaan kepadanya, maka terjadilah apa yang Allah kehendaki itu.

Berkata kepada mereka yang disebelah kirinya: Dari tanah itulah lahirnya orang yang angkuh dan takabbur, musyrik, orang kafir, benda yang disembah selain daripada Allah, dan mereka yang Allah inginkan kehinaan dan kecelakaan, maka terjadilah apa yang Allah kehendaki itu.

Kemudian dua jenis tanah itu digaul semuanya, itulah yang Allah firmankan dalam surah Al-An'am, 96:

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَىٰ^ط

“Sesungguhnya Allah jualah Yang membelah (menumbuhkan) butir (tumbuh-tumbuhan) dan biji (buah-buahan).”

Al-Habbi pada pendapat mereka ialah tanah bagi orang mukmin yang Allah tumpahkan kasih sayangnya. Manakala An-Nawa ialah tanah bagi orang kafir yang menjauhkan diri dari semua kebaikan; dan dinamakan an-nawa kerana menolak dan menjauhkan diri dari segala kebaikan. Firman Allah dalam Surah Ar-Rum, 19:

مُخْرِجُ الْحَيِّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ

“Ia mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup.”

Pada pendapat mereka, yang hidup ialah orang mukmin yang keluar tanahnya daripada tanah orang kafir, dan yang mati keluar daripada yang hidup ialah orang kafir yang keluar daripada tanah orang mukmin. Yang hidup ialah yang mukmin dan yang mati ialah yang kafir, itulah yang difirmankan oleh Allah dalam surah Al-An'am, 122 :

أَوْ مَن كَانَ مَيِّتًا فَأَحْيَيْنَاهُ

“Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayah pertunjuk).”

Maka kematiannya itu adalah campuran tanahnya dengan tanah orang kafir dan kehidupannya yang sedemikian Allah telah tetapkan, maka jadilah seperti sedia ada.

Allah mengeluarkan orang mukmin semasa kelahirannya daripada kegelapan selepas masuknya tanah itu kepada cahaya, dan mengeluarkan orang kafir daripada cahaya kepada kegelapan setelah dia masuk ke dalam cahaya, ini sebagaimana firman Allah dalam surah Yasin, 70 :

لِيُنذِرَ مَنْ كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ الْقَوْلُ عَلَى الْكَافِرِينَ

“Supaya ia memberi peringatan kepada orang yang sedia hidup (hatinya), dan supaya nyata tetapnya hukuman (azab) terhadap orang-orang yang kufur ingkar.”

Daripada riwayat-riwayat penyelewengan akidah Syi'ah ini jelaslah kepada kita, bahawa kebaikan golongan kafir termasuklah kebanyakan Ahli Sunnah Wal Jamaah (selain daripada Syi'ah) memberikan hak untuk Syi'ah menolak dan semua dosa kesalahan mereka dipikulkan ke atas golongan kafir (termasuklah Ahli Sunnah Wal Jamaah), ini bercanggah dengan keadilan Ilahi dan menafikan akal serta mengabaikan fitrah yang sejahtera. Allah berfirman:

1). surah Fathir, 18:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

“Dan (ketahuilah), seseorang pemikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain.”

2). Surah Al-Muddathir, 38:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ

“Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya.”

3). Surah Al-Zalzalah, 7-8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ.

“Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surah amalnya); Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surah amalnya).”

4). Surah AN-Nahl, 111:

وَتُؤْتَىٰ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ

“Dan tiap-tiap diri disempurnakan balasan apa yang ia telah kerjakan (samada baik atau jahat).”

Banyak lagi ayat-ayat dan hadis-hadis sohih dan jelas yang memberikan makna yang sedemikian bagi menolak akidah yang menyeleweng itu, iaitu akidah yang batil bercanggah dengan dalil syarak, akal dan keadilan.



**AKIDAH MERATAPI KEMATIAN,
MENGGOYAK BAJU DAN MEMUKUL PIPI KE ATAS
KEMATIAN SAIDINA HUSIN**



Akidah ini bertentangan dengan akidah Islam (sabar tatakala menerima musibah). Orang Syi'ah mengadakan majlis keramaian untuk meraikan kematian dan niahah, mengadakan tunjuk perasaan yang hebat di jalan-jalan raya dan di tempat-tempat perhimpunan bagi mengingati syahidnya Saidina Husin yang begitu diberikan perhatian yang hebat pada setiap 10 Muharram. Mereka berkeyakinan bahawa ia adalah untuk menghampirkan diri kepada Allah (qurbah). Mereka memukul-mukul pipi, dada dan belakang dengan mengoyak-ngoyakkan kocek baju sambil menangis dan berteriak-teriak dengan memanggil ya Husin ... ya Husin khususnya pada 10 Muharram setiap tahun.

Suasana hiruk pikuk yang memenuhi pesta keramaian itu begitu hingar bangar, di mana mereka keluar beramai-ramai secara bergandengan, berbaris-baris dengan membawa keranda Husin yang diperbuat daripada kayu dan sebagainya. Mereka mengarak keranda yang berhias dengan pelbagai hiasan yang membayangkan keadaan Husin semasa di Karbala bersama kudanya, penyokong-penyokongnya, dan mengupah pekerja-pekerja dengan upah yang mahal untuk menyertai mereka dalam membuat hiruk pikuk dan hingar bangar. Di masa inilah mereka melaknat dan tidak pedulikan para sahabat Nabi serta melakukan amalan jahiliah yang melampau. Ini membawa kepada permusuhan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah khususnya ketika melaknat sahabat Nabi Abu Bakar, Umar dan Uthman yang menyebabkan berlakunya pertumpahan darah orang-orang yang tidak berdosa.

Orang Syi'ah menyambut hari kematian Husin ini dengan membelanjakan wang yang banyak, kerana mereka meyakini ia merupakan asas agama dan upacara yang paling agung. Orang Syi'ah menggalakkan anak-anak mereka menangis semasa menyambut hari kematian Husin, kemudian apabila mereka sudah dewasa, mereka membiasakan diri menagis pada bila-bila masa yang mereka suka. Tangisan, perasaan dukacita itu hanyalah direka-reka, sedangkan syariat Islam sendiri melarang daripada melakukan niahah (meratapi kematian), *syaqqul juyub* (amalan Arab mengoyak-ngoyak saku baju) dan *dharbil*

khudud (menampar-nampar pipi). Al-Quran meyarankan kepada anak Adam bersabar dan redha dengan qada' qadar Allah SWT sebagaimana firman Allah:

1) Surah Al-Barah, 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ
إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

“Wahai sekalian orang-orang yang beriman, Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.”

2) Surah Al-Baqarah, 155:

وَدَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ
وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ
وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ

“Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami

kembali". Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat pertunjuk hidayahNya."

3) Surah Al-'Asr, 3:

وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ

"Dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar."

4) Surah Al-Balad, 17:

وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ

"Dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang."

5) Surah Al-Baqarah, 177:

وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ

"Dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan."

Imam-imam mereka yang maksum mengikut Syi'ah yang wajib ditaati dalam segala hal telah melakukan perkara yang demikian. Disebutkan dalam kitab 'Nahjul Balaghah', Selepas Rasulullah SAW wafat Saidina Ali menyatakan baginda SAW pernah berucap kepadanya: "Sekiranya

engkau tidak melarang kami daripada mengeluh dan engkau menyuruh kami supaya bersabar, nescaya kami akan meratapi dan menangisi kehilanganmu.”

Disebutkan juga dalam ‘Nahjul Balaghah’, bahawa Saidina Ali berkata: Siapa yang menampar tangannya ke pipinya ketika berlaku sebarang musibah, maka telah luputlah pahala amalannya.

Dan disebut lagi dalam nahjul Balaghah, bahawa saidina Ali berkata: Sesiapa yang memukulkan tangan ke atas pehanya ketika berlakunya musibah, maka gugurlah segala amalannya.

Saidina Husin berkata kepada adiknya Zainab di Karbala sebagaimana yang dinukilkan oleh pengarang kitab ‘Muntahal-Aamal’ dalam bahasa Parsi: Wahai adikku, aku bersumpah dengan nama Allah ke atasmu supaya engkau memelihara sumpahku ini, jika sekiranya aku terbunuh dalam peperangan ini, maka janganlah engkau mengoyak-ngoyakkan saku bajumu (seperti amalan orang Arab), dan janganlah engkau mencakar mukamu dengan kuku jari-jemarimu, dan janganlah engkau meraung dengan mengucapkan perkataan yang keji dan kesat kerana kematianku. (Muntaha Al-Amal, 1/248).

Abi Ja’far Al-Qummi menukilkan bahawa saidina Ali berkata: Janganlah kamu memakai pakaian hitam kerana ia

adalah pakaian Firaun. (Man la Yahdhuruhu Al-Faqih, Abi Ja'far Muhammad bin Babawih Al-Qummi, 51).

Terdapat juga dalam tafsir 'As-Shofi' diakhir surah Al-Mumtahanah, ayat 12:

وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلِهِمْ
وَلَا يَعْصِيَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ .

“Dan mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik.”

Bahawa Nabi SAW menasihatkan para wanita supaya tidak memakai pakaian berwarna hitam dan tidak menggoyak-ngoyakkan kecek bajunya dan tidak meraung dengan suara yang kuat dengan perkataan yang keji dan kesat. Dalam 'Furu' Al-Kafi' oleh Al-Kulaini disebutkan bahawa Nabi SAW berwasiat kepada Sidatina Fatimah r.a sabdanya: Jika sekiranya aku wafat, maka janganlah engkau mencakar mukamu dengan kuku jari-jemarimu; dan janganlah engkau meraung dengan perkataan yang keji dan kesat; dan janganlah engkau bersedih meratapiku.

Di sana terlalu banyak riwayat yang terdapat dalam kitab-kitab Syi'ah menjelaskan mengenai larangan meratap si mati (niahah); meraung dengan mengucapkan perkataan

yang keji dan kesat; mengoyak-ngoyakkan kocek baju; menampar-nampar pipi dan seumpamanya daripada perbuatan-perbuatan yang menunjukkan bahawa mereka tidak mahu menerima hakikat musibah yang menimpa dirinya, dan tidak sabar menghadapi cubaan dan dugaan dalam hidup.

Di sini disebutkan contoh apa yang diriwayatkan oleh mereka, siapa yang ingin mendalami persoalan ini sila rujuk kitabku 'Hakikat Al-Ma'tam' (majlis meraikan si mati), di dalam kitab itu aku telah sebutkan riwayat-riwayat dari kitab-kitab mereka untuk menolak majlis meraikan si mati yang mereka adakan, di mana ianya bercanggah sama sekali dengan konsep sabar dalam Islam.

Inilah sahaja yang mampu saya bentangkan kepada pembaca mengenai akidah Syi'ah dua belas Al-Ja'fariyah Ar-Rowafidh yang menyeleweng itu. Dijelaskan pada setiap bab beberapa contoh dari sumber-sumber rujukan mereka, dan sesiapa yang ingin meneliti secara mendalam mengenai dakwaan dan hujah mereka, sila rujuk ke sumber rujukan Syi'ah yang utama, ianya penuh dengan ungkapan-ungkapan yang sedemikian dan lebih teruk lagi ...

Kita bemoon kepada Allah yang Maha Agung lagi Maha Berkuasa supaya memelihara umat Islam dengan kelebihan dan ihsanNya daripada pembohongan dan kesesatan Syi'ah, kerana ia menggugurkan pahala amal

kebajikan dan menghakis iman orang mukmin yang boleh mengeluarkan mereka daripada agama Islam. Semoga Allah memberikan petunjuk ke jalan yang lurus dan menegakkan kebenaran, serta memantapkan kita dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu golongan yang berjaya, yang mendapat pertolongan, yang berfungsi menegakkan kebenaran, yang dijanjikan dengan syurga dan keredhaan Allah jua.

Semoga Allah memberi taufik kepada membuat amalan yang diredhai dan disukainya sama ada dari segi percakapan, amalan, niat dan petunjuk. Sesungguhnya Dia amat berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu. Semoga Allah mencucuri rahmat dan kesejahteraan ke atas Nabi Muhammad SAW, keluarganya, para shabatnya dan para pengikutnya sekalian.

Wallaahu a'lam.

RUJUKAN

1. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Bahagian hal Ehwal Islam.
2. Sohih Muslim, cetakan India.
3. At-Tirmizi, cetakan Pakistan.
4. Usul Al-Kafi, Muhammad bin Ya'kub Al-Kulaini, cetakan India.
5. Furu' Al-Kafi, Muhammad bin Ya'kub Al-Kulaini.
6. Turjumah Al-Quran, Maqbul Ahmad, bahasa Urdu.
7. Nahjul Balaghag
8. Ma'rifatuu Akhbarir Rijal (Rijal Kasyi), Muhammad bin Umar Al-Kasyi.
9. Fasl Al-Khithob, Husin An-Nuri At-Thobrase, cetakan Iran.
10. Tafsir As-Shifi, Al-Mula Hasan.
11. Al-Ihtijaj, Ahmad Abi Tholib Al-Thobrase, cetakan Najaf, Iraq.
12. Miraat Al-'Uqul Syarh Al-Usul wa Al-Furu', Al-Mula Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi.
13. Jala' Al-'Uyun, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi, cetakan Iran.
14. 'Ajalah Hasanah, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi.
15. Hayat Al-Qulub, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi.
16. Haqul Yaqin, Muhammad Al-Baqir Al-Majlisi, bahasa Parsi.
17. As-Shifi Syarah Usul Al-Kafi, Al-Mula Khalil Al-Qazwaini.
18. Tafsir Manhaj as-Shodiqin, Al-Mula Fathullah Al-Kasyani.
19. Tafsir Al-Qummi, Ali bin Ibrahim Al-Qummi.
20. Man Laa Yahdhuruhul Faqih, Abi Ja'far Muhammad bin Babawih Al-Qummi.
21. At-Tahzib, Abi Ja'far Muhammad bin Al-Hasan At-Thusi.
22. Al-Istibshor, Abi Ja'far bin Al-Hasan At-Thusi.
23. Al-Kahanah wat-Tatoiur, Abu Daud.
24. Muntahal Amal.
25. Faslul Khitab fi Tahrif Kitab Rabbi Al-Arbab, Al-Husin bin Muhammad Taqiy An-Nuri At-Thobrase.